

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
PUAN DARA BINTI ABD JALIL,
PENYANYI VETERAN ERA 80-AN
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENYANYI
VETERAN**

NUR AFRINA BINTI AZHAR

(2019482506)

NURHIDAYAH BINTI AZAHAR

(2019476056)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021-JANUARI 2022

ISI

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan		M/S
	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i ii iii iv v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 - 7 8 9 - 11
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	12 - 15 16 - 20
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	21 - 159
6.0	Log Temubual	160 - 169
7.0	Ralat	170
8.0	Glosari	171 - 178
9.0	Indeks	179 - 183
10.0	Bibliografi	184 - 193
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	194 195 196 - 208 209 - 212 213 - 214

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang perjalanan seorang tokoh yang merupakan seorang penyanyi veteran popular dalam era 80-an. Majoriti generasi muda dalam kalangan masyarakat hari ini tidak mengenali barisan penyanyi veteran di Malaysia. Maka, latar belakang, liku-liku cabaran dalam industri seni, realiti sebenar kehidupan seorang penyanyi dikupas melalui temubual bersama Puan Dara binti Abd Jalil atau lebih dikenali sebagai Rohana Jalil. Objektif kajian sejarah lisan ini dijalankan adalah bagi menghasilkan lebih banyak pendokumentasian mengenai artis veteran di Malaysia. Bermula dengan penceritaan tentang latar belakang dan keperibadian beliau, kajian sejarah lisan ini kemudiannya memfokuskan kepada pengalaman dan rintangan yang beliau tempuh sepanjang bergelar seorang anak seni. Hasil daripada kajian ini bukan sahaja dapat mendedahkan tentang kewujudan seorang penyanyi veteran yang berbakat besar, malah ia juga dapat memberi gambaran kepada masyarakat tentang realiti kehidupan seorang anak seni di Malaysia. Pada masa yang sama, adalah diharapkan hasil daripada projek sejarah lisan ini dapat membantu masyarakat khususnya generasi masa kini dan masa akan datang dalam lebih mengenali dan menghargai bakat serta karya artis veteran khususnya mereka yang bergelar penyanyi.

Kata kunci: Sejarah lisan, artis veteran, penyanyi, industri muzik, era 80-an

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi atas nikmat dan peluang yang diberikan oleh-Nya, dapat kami menyiapkan projek sejarah lisan ini dengan baik meskipun berdepan dengan pelbagai bentuk ujian dan cabaran. Berkat usaha dan doa yang tidak pernah putus, kami berjaya menyempurnakan projek ini dengan sehabis baik.

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat pensyarah IMR 604 (*Oral Documentation*), Puan Siti Noorsiah binti Jamaluddin atas segala tunjuk ajar dan nasihat membangun yang beliau berikan sepanjang proses projek ini dijalankan. Berkat daripada dorongan dan panduan yang beliau berikan, kami lebih berkeyakinan dalam menjayakan projek ini. Malah, kesabaran yang beliau tunjukkan kepada kami menjadi pembakar semangat buat kami dalam terus menghasilkan yang terbaik dalam projek sejarah lisan ini.

Selain itu, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat tokoh kami iaitu Puan Rohana Jalil atas kesudian beliau untuk ditemubual selama lebih daripada 2 jam. Komitmen dan pengorbanan masa yang beliau berikan sepanjang proses temubual dijalankan amat membantu kami dalam menjayakan projek ini. Tanpa beliau, kami mungkin tidak dapat menghasilkan yang terbaik dalam tugas ini. Kerjasama dan keperibadian beliau yang mudah mesra semasa temubual dijalankan amat kami hargai.

Di samping itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat kedua-dua ibu bapa kami yang senantiasa menjadi tulang belakang sepanjang perjalanan yang kami tempuh dalam menyiapkan projek ini. Doa, kata-kata semangat serta segala bentuk bantuan yang mereka berikan adalah pendorong buat kami agar kekal tabah dan sabar dalam menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat rakan sekelas kami yang tidak lokek dalam berkongsi ilmu dan maklumat di saat kami berdepan dengan beberapa kekeliruan dalam menyiapkan projek ini. Akhir kata, kami mengharapkan hasil kajian yang ditafsirkan dalam bentuk penulisan ini dapat memberikan manfaat buat generasi masa kini dan masa yang akan datang.

SENARAI

ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AB Record	Ali Bakar Record
AF	Akademi Fantasia
AJL	Anugerah Juara Lagu
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations / Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
EMI	Emi Music Publishing Malaysia Sdn. Bhd.
FELDA	Federal Land Development Authority / Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
HMI	Bintang HMI
KL	Kuala Lumpur
NSR Records	New Southern Records Sdn. Bhd.
PA	Personal Assistant
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PR	Personal Record
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV3	Saluran televisyen Malaysia
UITM	Universiti Teknologi Mara
URTV	Utusan Radio & Televisyen
WEA	WEA Records Sdn. Bhd.

SENARAI

SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

NAA : Nur Afrina binti Azhar

NHA : Nurhidayah binti Azahar

RJ : Dara binti Abd Jalil @ Rohana Jalil

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Abis	Habis
Acane	Macam mana
Aje	Sahaja
Ambik	Ambil
Antar	Hantar
Ape	Apa
Atuk	Datuk
Bab	Sebab
Bapak	Bapa
Bawak	Bawa
Besok	Esok
Buat dek	Buat tidak tahu
Camtu	Macam tu
Dah	Sudah
Dik	Adik
Diorang	Dia orang
Duk	Duduk
Giler	Gila
Gitulah	Begitu lah
Ha ah	Ya
Jap	Sekejap
Je	Sahaja
Jelah	Sahaja lah
Jugak	Juga
Kak	Kakak
Karang	Nanti
Kat	Dekat
Kawin	Kahwin
Kecik	Kecil
Kecik-kecik	Kecil-kecil

Keje	Kerja
Kemain	Bukan main
Kitorang	Kita orang
Kolumpur	Kuala Lumpur
Kot	Mungkin
Lepastu	Selepas itu
Lobang	Lubang
Lu	Kamu
Masatu	Masa itu
Menengok	Tengok, melihat
Mintak	Minta
Nak	Hendak
Ndak	Hendak
Ngan	Dengan
Ni	Ini
Pastu	Selepas itu
Payah	Susah
Pegi	Pergi
Pempuan	Perempuan
Penah	Pernah
Pi	Pergi
Pikir	Fikir
Pulak	Pula
Sape	Siapa
Sedara-mara	Saudara-mara
Sekian-sekian	Sedemikian
Sikit	Sedikit
Sorang	Seorang
Suh	Suruh
Surat kabo	Surat khabar/ akhbar
Tak	Tidak
Tak apa	Tidak mengapa

Tak bape pandai	Tidak berapa pandai
Tak reti	Tidak pandai, tidak mahir
Tak tahu	Tidak tahu
Takde	Tiada
Taklah	Tidak lah
Takmau	Tidak muah
Takyah	Tidak payah, tidak perlu
Taruk	Letak
Tau	Tahu
Tetiba	Tiba-tiba
Tiap-tiap	Setiap-setiap
Tido	Tidur
Tokey	Tauke
Tu	Itu
Tulah	Itu lah
Ugama	Agama
Ulang tayang	Ulangan tayangan
Ye ke?	Ya ke?
Ye	Ya
Yelah	Ya lah

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



Nama	Nur Afrina binti Azhar
Tarikh lahir	13 Mac 2000
Tempat lahir	Pusat Pakar Tawakal, Kuala Lumpur
Alamat	No. 58 Jalan Lading 33, Taman Puteri Wangsa, 81800 Ulu ¹ Tiram, Johor
No Telefon	019-7842620
Emel	afrinaazhar13@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM 246)

1.2 Penemubual Kedua



Nama	Nurhidayah Binti Azahar
Tarikh lahir	12 November 1999
Tempat lahir	Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, Johor
Alamat	No. 215 Jalan Bayan, Taman Muhibbah, Sungai Mati 84400 Tangkak, Johor.
No Telefon	019-6540580
Emel	nurhaya.hidayah@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM 246)

BIODATA

TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama	Dara binti Abd Jalil
Nama samaran	Rohana Jalil
Tarikh lahir	22 Mac 1955
Tempat lahir	Kota Tinggi, Johor
Alamat	USJ Subang Jaya, Selangor
No. Telefon	019-3314199
Emel	dara.rohana55@gmail.com
Profesion	Penyanyi
Bidang	Nyanyian (Industri muzik Malaysia)

2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Dara binti Abd Jalil atau lebih mesra dikenali sebagai Rohana Jalil merupakan seorang penyanyi veteran Malaysia yang terkenal dalam era 80-an. Beliau yang kini berusia 66 tahun merupakan anak seni kelahiran Kota Tinggi, Johor. Beliau dilahirkan pada 22 Mac 1955. Beliau merupakan anak sulung dalam kalangan lapan orang adik-beradik secara keseluruhannya. Sebelum menjangkau usia 7 tahun, beliau sudah melangkah ke alam persekolahan. Namun begitu, beliau menamatkan pengajian semasa di Tingkatan Dua berikutan semangat yang tinggi dalam bidang nyanyian. Setelah 3 kali percubaan dalam sesi ujibakat Bintang RTM, beliau akhirnya berjaya mendapat tempat dalam program tersebut sekaligus merangkul gelaran Juara Bintang RTM 1980. Dari situ, beliau mula menempa nama dalam industri muzik tanah air sebagai seorang penyanyi yang terkenal dalam genre lagu *ballad* dan *pop*. Beliau merupakan seorang penyanyi Malaysia yang berjaya menghasilkan lebih daripada 10 buah album dan antara albumnya yang terkenal termasuklah ‘Rayuanku’, ‘Di Suatu Ketika’ dan ‘Jangan Main Mata’. Kini, beliau masih lagi aktif membuat persembahan apabila ditawarkan oleh program-program televisyen di Malaysia serta aktif menghadiri undangan-undangan nyanyian seperti majlis-majlis korporat.

SEJARAH

LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan jenis penyelidikan sejarah yang tertua, di mana ia mendahului perkataan bertulis. Pada tahun 1940-an, pita rakaman merupakan alat utama yang digunakan dalam kaedah sejarah lisan. Namun, berikutan daripada perkembangan teknologi yang semakin pesat, sejarah lisan pada hari ini telah dilaksanakan menggunakan teknologi terkini seiring dengan peredaran zaman (Universiti Malaya, n.d.). Pusat Kajian Sejarah Lisan (2007) mendefinisikan sejarah lisan sebagai satu kaedah untuk merakamkan kenangan seorang tokoh melalui wawancara. Tokoh-tokoh ini lazimnya terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman bersejarah itu sendiri, berdasarkan daripada hubungan dan penglibatan mereka secara langsung dengan watak, masa mahupun peristiwa tertentu. Meskipun sejarah lisan ini majoritinya melibatkan penceritaan secara langsung daripada tokoh itu sendiri, namun ia juga boleh dijalankan bersama tokoh-tokoh atau insan-insan yang telah meninggal dunia. Hal ini boleh dilaksanakan melalui proses wawancara bersama individu-individu yang paling akrab dengan tokoh tersebut, misalnya ahli keluarga dan kenalan rapat mereka. Ini dapat dibuktikan melalui sejarah lisan yang dilakukan terhadap kisah tokoh-tokoh Malaysia yang telah meninggal dunia, antaranya termasuklah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Dato' Onn Jaafar dan Tun Hussein Onn (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012).

Ahmad (1987) seperti yang dinyatakan oleh Seow Han Lin, 2020) pula mentafsirkan sejarah lisan sebagai satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang dilaksanakan bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Dalam kaedah ini, proses wawancara dilakukan dan keterangan daripada individu yang mengetahui sesuatu sejarah dirakamkan ke dalam pita. Sejarah lisan juga boleh didefinisikan sebagai suatu proses yang melibatkan orang yang menceritakan peristiwa dan pengumpul maklumat yang memperkatakan, menceritakan peristiwa lepas yang dirujuk daripada pelbagai sumber termasuklah ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Sumber sejarah lisan ini dianggap sebagai sumber primer kerana ia merupakan maklumat yang diperoleh hasil daripada rakaman

perbualan yang dibuat melalui sesi temuramah yang berlangsung di antara penyelidik dan informan. Oleh sebab itu, fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatannya yang tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa yang telah berlaku pada masa lampau. Ianya terdiri daripada pelbagai jenis sastera rakyat (folklore) seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Abdul Rahman, 1996 seperti yang dinyatakan oleh Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012).

Berdasarkan kajian, bidang sejarah lisan ini mula dipelopori oleh Herodotus yang juga dianggap sebagai “Bapa Sejarah” dan perintis dalam bidang ini apabila beliau mula menemu ramah individu-individu atas tujuan untuk mendapatkan kisah, pengalaman dan peristiwa sejarah yang dianggap penting pada masa lalu (Starr, 1984 seperti yang dinyatakan oleh Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Thucydides kemudiannya mengikuti jejak langkah Herodotus apabila beliau turut mempelopori bidang sejarah lisan dalam penulisannya yang berkisarkan pengalaman para tentera yang terlibat dalam perang Peloponnesian (Morrison, 1998 seperti yang dinyatakan oleh Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Oleh sebab itu, sejarah lisan diklasifikasikan sebagai salah satu kaedah yang diguna pakai dalam penyelidikan sejarah dengan tujuan mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu sejarah sebelum mencataatkannya agar sejarah tersebut kekal tersimpan dan tidak dilupakan (Seow Han Lin, 2020).

Sama seperti kaedah-kaedah penyelidikan yang lain, sejarah lisan juga mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Salah satu kelebihannya ialah maklumat yang diperolehi hasil daripada wawancara bersama tokoh ataupun seseorang individu yang terlibat dalam sesebuah peristiwa itu dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan di masa akan datang (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Selain itu, sejarah lisan juga membantu dalam membina semula peristiwa-peristiwa sejarah khususnya yang tidak pernah diceritakan dan dicatatkan dalam mana-mana bahan lain berikutan daripada masalah sumber yang terhad (Seow Han Lin, 2020). Malah, sejarah lisan juga dapat membantu mengatasi masalah kekurangan informasi yang belum didokumentasikan. Penelitian sejarah lisan yang dipadukan dengan sumber bertulis merupakan kombinasi yang dapat mengisi kekurangan sumber-sumber sejarah selama ini (Fifie Safina Osman, n.d.).

Di sebalik kelebihan sejarah lisan ini, ia juga mempunyai kekurangannya yang tersendiri. Ini termasuklah kekurangan dari segi maklumat yang disampaikan oleh informan boleh dipersoalkan (Jacqueline Salomi, 2020). Hal ini lazimnya terjadi dalam kalangan informan yang sudah berusia, di mana keupayaan mereka untuk mengingat kembali peristiwa yang sudah berlaku terbatas. Bukan itu sahaja, emosi informan juga boleh mempengaruhi kisah yang mereka ceritakan. Hal ini yang dikatakan sebagai salah satu kekurangan dalam sejarah lisan. Ini kerana ianya memberi impak terhadap penceritaan mereka yang seterusnya menyebabkan berlakunya pentafsiran dan persepsi yang berbeza antara satu individu dengan individu yang lain, yang kemudiannya akan menyebabkan maklumat yang disampaikan berbeza daripada peristiwa asal yang berlaku pada suatu-suatu masa (Jacqueline Salomi, 2020). Dari sudut lain, penulisan sejarah lisan kadang kala mempunyai kelemahan dari segi kekurangan sumber asal yang dapat menyokong sesuatu kenyataan. Ini termasuklah bukti-bukti seperti dokumen asli termasuklah sijil mahupun gambar-gambar yang tidak dapat dipertikai kesahihannya (Fifie Safina Osman, n.d.).

Maka, dapatlah difahami bahawa sejarah lisan ini merupakan satu teknik penyelidikan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat khususnya melalui proses wawancara yang melibatkan tokoh dan pengumpul maklumat. Kaedah ini amat penting untuk dikekalkan agar lebih banyak kisah-kisah sejarah dapat dirungkai, disimpan dan dijadikan bahan rujukan bagi keperluan di masa akan datang.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Objektif merujuk kepada sasaran sebenar penyelidik yang boleh dicerap, di mana ianya lebih khusus dan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat penyelidikan (Nurul Hatijah, 2018). Dalam kes ini, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk memenuhi objektif seperti yang berikut:

- i. Untuk mendokumentasikan pengalaman dan liku-liku kehidupan artis veteran yang dipilih sebagai kenangan dan rujukan di masa akan datang
- ii. Untuk menemubual artis veteran yang dipilih sebagai apresiasi terhadap bakat, lagu dan karya penyanyi agar ia dapat didokumentasikan dan menjadi rujukan buat masyarakat
- iii. Untuk mendapatkan sumber primer daripada artis veteran yang dipilih untuk meningkatkan lagi koleksi sejarah lisan di Malaysia

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai barisan artis yang sangat berbakat tidak kira dari segi bidang lakonan maupun nyanyian. Namun begitu, berbeza dengan keadaan di luar negara seperti Hollywood di mana artis-artis veteran mereka disanjung, barisan artis veteran Malaysia dilihat semakin dipinggirkan oleh masyarakat dan industri seni itu sendiri (Azrul Radi, 2020). Oleh sebab itu, pengkaji telah menjalankan kaedah sejarah lisan untuk membuka mata banyak pihak dalam mendalami isu-isu, kisah-kisah serta sejarah yang berkaitan dengan artis veteran tanah air kita yang kebanyakannya tidak pernah didedahkan dan diceritakan kepada umum. Maka, dengan adanya sejarah lisan, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengumpul cerita-cerita dan sejarah-sejarah yang bermilai (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

Sejarah lisan yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan tema artis veteran atau lebih khusus, penyanyi veteran ini mempunyai kepentingan dan sumbangannya yang tersendiri termasuklah terhadap masyarakat, organisasi dan negara. Salah satu impak daripada kajian ini terhadap masyarakat ialah ianya mampu membuka mata masyarakat tentang realiti sebenar kehidupan insan bergelar penyanyi khususnya penyanyi veteran. Hasil daripada kajian ini dapat memperlihatkan kepada masyarakat tentang gambaran sebenar pahit getir yang dihadapi oleh Rohana Jalil sepanjang bergelar penyanyi. Ditambah pula dengan kebanjiran penyanyi baru hari ini memperlihatkan lebih ramai penyanyi veteran yang semakin dilupakan (Rudy Imran Shamsudin, 2017). Kesan daripada peredaran zaman juga menyukarkan nama penyanyi veteran untuk terus diingati berikutan wujudnya jurang perbezaan dari segi kaedah lagu zaman dahulu dengan lagu masa kini dipromosikan. Bak kata Serimah Mohd Sallehuddin (2021), penyanyi dahulu mungkin tidak begitu dikenali kerana rangka promosinya tidak sehebat zaman ini.

Selain itu, sejarah lisan ini juga dapat membantu masyarakat dari sudut memenuhi jurang yang wujud dalam sumber-sumber sejarah sedia ada. (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012 seperti yang dinyatakan oleh Nadzan, 1979). Keadaan ini dapat membantu masyarakat khususnya penyelidik dalam

membuat sesuatu pencarian maklumat. Tambahan pula, di Malaysia, tradisi menyimpan catatan harian dan penulisan dokumen serta sejarah hidup masih lagi berada di tahap yang lemah (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Maka, dengan pelaksanaan sejarah lisan ini, maklumat yang diperoleh daripada temu bual bersama informan dapat didokumentasikan dan dijadikan bahan atau sumber rujukan dalam kalangan masyarakat.

Selain masyarakat, badan-badan organisasi di Malaysia juga dapat menerima impak yang positif melalui pendokumentasian sejarah lisan ini. Misalnya, hasil daripada kajian sejarah lisan mengenai artis veteran ini dapat membantu persatuan Seniman dalam mengetengahkan lagi penceritaan di sebalik tabir liku-liku perjalanan seorang artis kepada umum. Malah, dengan adanya terbitan mahupun pendokumentasian mengenai artis veteran ini, ia dapat membantu organisasi-organisasi lain seperti Persatuan Artis Veteran dalam menghargai karya dan bakat barisan artis tanah air. Di samping itu, sejarah lisan ini juga membolehkan organisasi yang memperjuangkan nasib artis veteran dan seniman menyimpan lebih banyak maklumat bersejarah berkaitan para artis yang pernah menyumbangkan idea, bakat dan karya mereka dalam menaikkan lagi nama industri seni tempatan. Dengan itu, kisah-kisah mereka ini dapat dijadikan rujukan buat pelapis-pelapis baru dalam usaha menimba ilmu dalam bidang seni melalui pembacaan dokumentasi artis veteran terdahulu. Dalam masa yang sama, ia juga boleh dijadikan sebagai memori buat organisasi yang mengetengahkan bakat dan karya artis tempatan.

Dari sudut lainnya, pendokumentasian sejarah lisan ini juga dapat membuka mata lebih banyak organisasi-organisasi lain agar lebih peka dengan permasalahan dan penderitaan yang dihadapi oleh artis khususnya selepas mereka tidak lagi bergiat aktif dalam dunia seni. Impaknya, suara-suara artis veteran yang terkesan ini mungkin dapat didengari oleh industri seni yang kini lebih mengutamakan barisan artis baru tanpa memikirkan nasib artis veteran yang semakin dipinggirkan dengan anggapan mereka sudah tidak mampu untuk berlakon mahupun menyanyi dengan baik disebabkan oleh faktor usia yang semakin meningkat.

Selain daripada badan-badan organisasi ini, secara umumnya, pendokumentasian sejarah lisan juga dapat menyumbang ke arah pertambahan dalam

koleksi peribadi sesetengah organisasi seperti insitusi-institusi pendidikan. Sebagai contoh, pendokumentasian sejarah lisan tentang individu yang banyak memberi sumbangan kepada institusi pendidikan tersebut dapat ditambah dalam koleksi kenangan dan memori institusi itu. Misalnya, Universiti Sains Malaysia (USM) merakamkan dan mendokumentasikan pengalaman tokoh-tokoh yang menyumbang dalam pembangunan universiti mereka sejak dari awal penubuhannya (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Antara tokoh-tokoh tersebut termasuklah Naib Canselor Pertama mereka iaitu Tan Sri Hamzah Sendut dan Ketua Pustakawan Pertama, Encik Lim Huck Tee (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012)

Akhir sekali, penulisan sejarah hasil daripada sejarah lisan yang dilakukan juga turut mempunyai sumbangannya yang tersendiri terhadap negara. Di Malaysia, kebanyakan pendokumentasian yang sedia ada boleh dikatakan menjurus ke arah golongan ternama yang dikenali ramai seperti P. Ramlee dan Tunku Abdul Rahman serta peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah memberi impak terhadap negara kita seperti sejarah penjajahan dahulu kala (Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda, 2012). Namun, dengan adanya pendokumentasian sejarah lisan yang bertemakan artis veteran ini, ia sedikit sebanyak dapat menyumbang lebih banyak dokumentasi mengenai barisan artis yang memberi sumbangan terhadap industri seni tanah air. Dari sudut lainnya, boleh dikatakan bahawa pendokumentasian sejarah lisan mengenai artis veteran seperti Rohana Jalil ini dapat mempelbagaikan lagi sumber sejarah lisan yang dapat dikumpul dalam negara kita. Maklumat-maklumat sebegini perlu disimpan kerana ianya merupakan sumber sejarah negara.

KAJIAN LITERATUR

TOPIK

1

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan muzik sebagai bunyi yang digubah yang seterusnya menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Lazimnya, ia turut melibatkan bunyi-bunyian, ahli muzik, pemain alat muzik dan pengubah muzik. Educalingo (2021) pula menggelarkan muzik sebagai seni berikutan daripada timbulnya keinginan untuk mencipta, memperbaiki dan mempersesembahkannya kepada umum. Dalam erti kata lain, muzik adalah suatu fenomena yang sangat unik.

Bidang muzik dalam industri penyiaran di Malaysia bermula melalui sejarah penyiaran radio Malaya yang pada mulanya bertujuan untuk menyampaikan propaganda pihak penjajahan tetapi dalam masa yang sama diselitkan bahan sampingan seperti muzik dan program hiburan lain untuk menarik minat orang awam untuk mendengar radio (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005). Seiring dengan perkembangan teknologi dari semasa ke semasa, media radio Malaya mula memainkan peranan yang penting dalam perkembangan industri muzik Melayu dari tahun 1950-an dengan memainkan lagu-lagu dari filem-filem Melayu seperti lagu nyanyian R. Azmi yang bertajuk Hitam Manis dan Terkenang Semasa Dulu (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005).

Di Malaysia, industri muzik memainkan peranan yang utama dalam kehidupan insan yang bergelar artis, karyawan dan pemuzik kerana ia merupakan tunjang utama dalam menjana pendapatan mereka (Mohd Zaini Othman, 2020). Namun begitu, industri muzik tanah air pada masa kini dilihat berdepan dengan pelbagai isu negatif. Kenyataan ini dapat disokong dengan kata-kata daripada Saari Amri (2016) yang mengatakan “*industri muzik tempatan semakin tenat*” (BERNAMA, 2016).

Salah satu masalah yang timbul dalam industri muzik tempatan hari ini termasuklah isu cetak rompak. Isu cetak rompak ini diibaratkan seperti satu sumpahan yang dapat membunuh industri muzik Malaysia sekiranya tidak dibendung (Mohd Zaini Othman, 2020). Isu cetak rompak ini telah wujud sejak era 80-an dan 90-an lagi,

tetapi bezanya dengan hari ini ialah dari segi bentuk percetakan itu sendiri. Seiring dengan kecanggihan teknologi kini, lambakan cetak rompak berlaku dalam bentuk digital berbanding dengan zaman dahulu di mana ianya wujud dalam bentuk kaset, CD dan VCD yang dijual di pasaran (Mohd Zaini Othman, 2020). Isu cetak rompak ini boleh dikatakan sebagai satu masalah ataupun mimpi ngeri yang amat digeruni oleh penggiat industri baik di Malaysia mahupun negara-negara Asia yang lain (Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini, n.d.).

Masalah ini secara tidak langsung menimbulkan ketakutan dalam kalangan syarikat rakaman kerana mereka khuatir akan berdepan dengan kerugian yang melampau (BERNAMA, 2016). Ini dapat dilihat dengan jelas apabila majoriti syarikat rakaman hanya menerbitkan single berbanding album buat penyanyi memandangkan penghasilan sesebuah album memerlukan pelaburan yang lebih besar (BERNAMA, 2016). Inilah yang dikatakan oleh Datuk Zainal Abidin (2020), apabila beliau menyuarakan bahawa lebih baik tidak mengeluarkan sebarang album yang mungkin menjurus ke arah kerugian berikutnya timbulnya perasaan was-was tentang jumlah album yang mungkin terjual (Serimah Mohd Sallehuddin, 2020). Ianya dapat dilihat dengan jelas apabila jualan album di pasaran hari ini terlalu sedikit jika dibandingkan dengan hasil jualannya pada era 90-an di mana ia sering mencecah ratusan ribu unit (Zikri Abdullah, 2016).

Betapa besarnya isu cetak rompak ini, ia dapat dilihat apabila masalah ini meliputi industri muzik seluruh dunia. Pada tahun 2003 sahaja, Persekutuan Antarabangsa Industri Fonografik (The International Federation of the Phonographic Industry – IFPI) telah menganggarkan pasaran muzik yang dicetak rompak di seluruh dunia mencecah sejumlah 1.9 billion unit (Dasar dan Strategi Industri Muzik Malaysia: 16). Jika pada tahun 2003 ia boleh mencecah angka yang begitu besar, apakah lagi dengan perkembangan teknologi hari ini di mana segalanya berada di hujung jari. Ini menunjukkan bahawa kewujudan Internet yang sebelum ini membuka peluang untuk perkembangan industri muzik kini dilihat memberi ancaman terhadap industri ini berikutan salah laku pengguna yang menggunakan platform tersebut untuk menjual barang palsu, kompilasi muzik percuma dan iklan yang memburukkan industri muzik sebenar (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005).

Antara barisan penyanyi tanah air yang pernah berdepan dengan isu cetak rompak karya mereka termasuklah kumpulan Search dan Dato' Siti Nurhaliza. Amy Search (2018) pernah meluahkan kekecewaannya apabila album terbaru kumpulan beliau suatu ketika dahulu pernah menjadi mangsa cetak rompak. Malah, individu yang melakukan perbuatan tersebut dilihat seolah-olah tidak sedar dengan kesalahan yang dilakukannya apabila album yang dicetak rompak tersebut dijual di sebuah pusat membeli-belah secara terang-terangan (Rozaimi Zubaidi, 2018). Selain Amy Search, penyanyi terkemuka Malaysia, Dato' Siti Nurhaliza juga pernah meluahkan kekesalannya apabila *single* lagunya yang bertajuk “Jaga Dia Untukku” yang baru sahaja dipasarkan di *iTunes* pada 3 April 2014 telah dicetak rompak (Feride Hikmet Atak, 2014).

Selain isu cetak rompak, industri muzik tempatan juga dilihat berdepan dengan masalah hilangnya seni muzik. Datuk Zainal Abidin (2020) menyuarakan pendapatnya tentang isu ini dengan mengatakan bahawa lagu zaman kini berdepan kesukaran untuk kekal bertahan lama kerana kurangnya nilai seni dalam muzik tersebut, membuatkan ianya kedengaran sekadar bunyi kosong (Serimah Mohd Sallehuddin, 2020). Malah, situasi hari ini yang membolehkan individu tidak berbakat dalam bidang nyanyian turut menghasilkan lagu jelas memburukkan lagi industri muzik tanah air (BERNAMA, 2020). Lambakan budak-budak baru nak up (BBNU) juga menyebabkan kualiti nyanyian dan karya dalam industri seni tanah air kini semakin terhakis kerana bakat kini bukanlah teras utama dalam bergelar penyanyi tetapi ianya bergantung kepada nasib setelah memuat naik lagu nyanyian mereka di *YouTube* (Mohd Helmi Irwadi Moh Nor, 2019). Seandainya mereka bernasib baik, mereka akan dijemput untuk menyertai rancangan realiti sebelum menerima tawaran daripada sesebuah syarikat rakaman untuk bergelar artis. Kenyataan ini disokong dengan kata-kata Saleem (2016) apabila beliau menyuarakan bahawa “*penyanyi baru kini hanya menjual rupa, sedap mahupun tidak suara mereka, ianya boleh dibantu dengan penggunaan mesin*” (Farihad Shalla Mahmud, 2016).

Di samping itu, industri muzik Malaysia juga berdepan dengan kesukaran dalam memasarkan dan mempromosikan muzik dan karya tempatan. Muzik hanya dapat diperkenalkan, didendang, dihayati dan diminati oleh peminat sekiranya ia berjaya dipromosikan dengan baik (Dasar dan Strategi Industri Muzik Malaysia: 14).

Namun, kesukaran yang dihadapi penyanyi dalam usaha untuk mempromosikan lagu-lagu mereka dilihat sedikit sebanyak menyumbang kepada permasalahan dalam industri muzik tanah air. Zaman dahulu, penyanyi akan menghantar lagu mereka ke stesen radio untuk dipromosikan, dengan harapan peminat akan membuat permintaan untuk perdengarkan lagu nyanyian mereka tetapi kini para pendengar boleh memuat turun lagu kegemaran mereka di mana-mana laman digital (Amirul Haswedy Ashari, 2019). Ini menunjukkan bahawa promosi lagu melalui stesen radio dilihat kurang mendapat sambutan memandangkan masyarakat masa kini boleh mendengar dan mendapatkan lagu kegemaran mereka di mana-mana platform digital tanpa perlu membuat permohonan sedemikian di stesen radio. Namun, masih ada penyanyi yang ingin menggantikembali cara promosi lagu menggunakan kaedah lama seperti penyanyi rap Daly Filsuf dan Aisyah Bujang yang dilihat ingin mencuba nasib dalam mempromosikan lagu mereka melalui stesen radio (Amirul Haswedy Ashari, 2019).

TOPIK

2

4.2 Topik 2

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), artis merujuk kepada individu yang kerjanya atau kegemarkannya ialah mencipta hasil seni. Malah, artis juga boleh dirujuk sebagai penghibur, baik penyanyi mahupun penari dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Namun begitu, ahli sejarah seni dan pengkritik seni pula mendefinisikan artis sebagai seorang individu yang menghasilkan seni dalam batas-batas yang diakui (Educalingo, 2021).

Veteran pula didefiniskan sebagai individu yang berpengalaman dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Namun demikian, menurut (Vokabulario, 2021) perkataan veteran yang berasal daripada Latin iaitu “*veteranus*” merujuk kepada seorang individu yang melakukan sesuatu aktiviti dalam jangka masa yang panjang. Berdasarkan carian, istilah “artis veteran” masih lagi tidak mempunyai sebarang definisi yang konkret. Namun, pengurus Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Zakaria Abdul Hamid merujuk panggilan atau istilah artis veteran ini kepada artis yang sudah lama berkecimpung dan melibatkan diri dalam industri seni tanah air (BERNAMA, 2021). Walaubagaimanapun, Ramlah Ram (2018) dalam satu sesi temubual bersama “Malaysiakini” pula berpendapat bahawa gelaran artis veteran ini ialah gelaran yang digunakan terhadap seseorang artis apabila beliau sudah bersara daripada bidang yang diceburinya dalam industri (Nadia Azam, 2018).

Artis veteran di Malaysia bukan sahaja terdiri daripada mereka yang bergelar pelakon sahaja tetapi juga penyanyi. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mentafsirkan penyanyi sebagai orang yang menyanyi, tukang nyanyi dan biduan. Dalam industri nyanyian tanah air hari ini, dapat dilihat dengan jelas betapa ramainya kelahiran penyanyi baru yang berbakat besar seperti Aina Abdul, Ernie Zakri, Syamel dan Hazama (Sudirman Mohd Tahir, 2021). Namun begitu, kelahiran bakat-bakat baru bersuara emas ini dilihat tidak menggugat kewujudan penyanyi lama atau lazimnya digelar sebagai penyanyi veteran seperti Fazli Zainal (Muhd Al Qayyum Azizi, 2013) dan Ramlah Ram (Fatin Farhana Ariffin, 2021). Berdasarkan temu bual Berita Harian (2021) bersama Ramlah Ram, beliau menyuarakan bahawa kebanjiran penyanyi

baharu yang mendapat tempat di hati peminat sama sekali tidak menggugat kedudukannya sebagai penyanyi lama yang sudah 36 tahun berkecimpung dalam industri nyanyian (Fatin Farhana Ariffin, 2021).

Boleh dikatakan kurangnya kualiti penyanyi baru hari ini yang menyebabkan kedudukan penyanyi lama kebanyakannya tidak terkesan dengan kehadiran mereka. Kenyataan ini disokong oleh seorang komposer, Harry Khalifah (2019) yang mengatakan bahawa kualiti penyanyi baru hari ini hanya sekadar 80 peratus dibandingkan dengan kualiti penyanyi lama iaitu 100 peratus. Ini berikutan daripada saringan bakat yang perlu dilalui oleh barisan penyanyi dalam era 1960-an hingga tahun 2000 yang menyebabkan karya-karya yang diterbitkan mempunyai mutu kualiti yang tinggi (Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor, 2019).

Bahkan, kualiti nyanyian dan bait-bait lirik yang dinyanyikan oleh penyanyi lama atau penyanyi veteran inilah yang membuatkan lagu-lagu lama masih mendapat tempat di hati peminat sehingga ke hari ini. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Konsert Dimensi Lagenda yang berlangsung pada 2 Disember 2017 dipenuhi dengan lebih seribu penonton meskipun barisan artis yang mempersembahkan persembahan dalam konsert tersebut terdiri daripada penyanyi-penyanyi veteran seperti Datuk Khadijah Ibrahim, Datuk Nash, Uji Rashid, Ramlah Ram, Rahmat Mega, Kumpulan Nico dan Nora (Najiy Jefri, 2017). Boleh dikatakan kehadiran para artis veteran seperti merekalah yang menyemarakkan dan membangkitkan kembali nostalgia lagu-lagu dalam era 60-an hingga 90-an (BERNAMA, 2017). Selain daripada Konsert Dimensi Lagenda, terdapat satu lagi konsert yang turut mengetengahkan barisan penyanyi veteran dalam program tersebut iaitu Konsert Amal Legenda 80-an (Budiey, 2019). Konsert-konsert sebegini bukan sahaja dapat mengimbau kembali zaman kegemilangan penyanyi-penayayi veteran (Ramlah Zainal, 2019) tetapi juga membuktikan bahawa penyanyi veteran di Malaysia masa kini masih kekal unggul dan berbisa (Reef Omar, 2017).

Buktinya, bukan sahaja lagu-lagu seperti “Semakin Hari Semakin Sayang”, “Ku Ke Udara Lagi” dan “Tiada Lagi Kidungmu” yang masih mendapat tempat di hati para peminat, tetapi lagu nyanyian Rocky Din yang bertajuk “Marilah Mengundi” juga masih segar di ingatan rakyat Malaysia meskipun rakaman lagu tersebut dibuat

pada tahun 1987 dan sering dimainkan apabila mendekati tarikh untuk mengundi (Astro Awani, 2018). Di samping itu, nama Klthsom Kader, penyanyi popular dalam era 80-an yang terkenal dengan lagu Ku Redha Sendiri dan Ku Meraguimu juga masih diingati para peminat meskipun beliau sudah lama tidak menonjolkan diri dalam pentas-pentas besar selepas beliau mendirikan rumahtangga (Wawann Mohd, 2019). Ini membuktikan bahawa lagu-lagu dendangan penyanyi lama ini mempunyai nilai yang membuatkan ianya tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan (BERNAMA, 2017).

Namun demikian, tidak semua penyanyi veteran mahupun lagu-lagu mereka masih diingati sehingga kini. Terdapat segelintir penyanyi veteran yang kurang berasib baik setelah mereka kurang aktif dalam industri seni menyebabkan nama mereka kian dilupakan (Serimah Mohd Sallehuddin, 2021). Salah seorang daripadanya termasuklah Datin Paduka Julie Sudiro (Serimah Mohd Sallehuddin, 2021). Bahkan, ada juga penyanyi veteran yang disangkakan hanyalah sekadar seorang guru vokal dan bukannya penyanyi (Aizam Manaf, 2021). Perkara ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan daripada Datuk Shafinaz apabila beliau mengatakan bahawa generasi muda pada masa kini melabelkan beliau sebagai seorang guru vokal semata-mata tanpa mengetahui bahawa beliau juga merupakan seorang penyanyi (Aqmar Mustaza, 2021). Beliau turut menyatakan bahawa ianya berkemungkinan berpunca daripada keaktifan beliau yang kebanyakannya menyanyi dalam majlis-majlis kecil dan jarang menyanyikan lagu sendiri serta naik ke pentaspentas besar (Roni H. Ridwan, 2021). Oleh sebab itu, beliau tidak berkecil hati apabila majoriti generasi muda hari ini tidak mengenali beliau sebagai penyanyi, tetapi sebagai guru vokal (Aqmar Mustaza, 2021). Yantzen Juniwan atau lebih dikenali dengan nama Yantzen juga menyuarakan isi hatinya dengan menyatakan bahawa beliau tidak terkilan apabila namanya semakin dilupakan berikutan daripada kehadiran penyanyi baru yang secara tidak langsung menenggelamkan penyanyi lama (Mohd Al Qayum Azizi, 2014). Ini kerana beliau berpendapat bahawa perkara tersebut merupakan lumrah dalam kehidupan insan yang bergelar artis. Selain daripada Yantzen, Shikin, penyanyi dangdut terhebat dalam era 90-an turut menerima nasib sama apabila ramai yang beranggapan bahawa beliau kini menyepikan diri daripada dunia glamor (Ramlah Zainal, 2017). Situasi sama turut dirasai oleh seorang penyanyi veteran, Shima yang popular dengan lagu “Teringin” dan “Setelah Aku Kau

Miliki” apabila nama beliau mula dilupakan sejak awal tahun 2000 (Suhaidah Abd Wahab, 2018). Menurut Shima (2018), meskipun namanya kembali meniti di bibir masyarakat apabila beliau melibatkan diri dalam Gegar Vaganza musim pertama pada tahun 2014 tetapi beliau masih tidak ditawarkan sebarang undangan nyanyian mahupun tawaran menghasilkan single baharu meskipun setelah tamat program berkenaan (Suhaidah Abd Wahab, 2018). Oleh sebab itu, Shima kini berniaga nasi campur untuk menyara kehidupannya (Hanisah Selamat, 2018).

Meskipun tidak semua penyanyi veteran ini masih dikenali dan diingati, namun mereka bernasib baik apabila wujudnya lebih daripada satu badan organisasi yang senantiasa memelihara dan membela nasib barisan artis tanah air tidak kira artis baharu mahupun artis lama. Yayasan Artis 1Malaysia atau nama barunya Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air (YKAT) merupakan salah satu daripada organisasi-organisasi tersebut (Fatin Farhana Ariffin, 2018). Ia dibentuk bagi membela dan memelihara nasib serta kebajikan barisan artis tanah air khususnya artis veteran, tidak kira pelakon, penyanyi, pemuzik dan lain-lain (Bernama, 2018). Selain daripada YKAT, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) juga merupakan salah satu badan yang dilihat senantiasa mendengar keluh-kesah dan membela nasib para artis termasuklah artis veteran (Ashraf Nasser, 2020).

Badan-badan organisasi ini boleh dikatakan memainkan peranan yang amat besar dalam memastikan nasib para artis di Malaysia terbela meskipun mereka kini tidak lagi aktif dalam industri seni tanah air (Ridzuan Abdul Rahman, 2021). Ini dapat dilihat apabila terdapat pelbagai jenis bantuan yang disalurkan kepada barisan artis tidak kira dari segi kebajikan mahupun kelantangan bersuara dalam menegakkan hak artis itu sendiri. Misalnya, pada bulan Januari 2021, Persatuan Kebajikan Artis Veteran Malaysia (PKAVM) dilihat telah membuat agihan bahan basah berserta sumbangan berjumlah RM 50 seorang kepada hampir 100 orang penerima yang terdiri daripada ahli PKAVM itu sendiri (Zaidi Mohamad, 2021). Di samping itu, program “Ziarah FINAS” juga dilihat membuka jalan bagi seniman, seniwati dan penyanyi lama untuk kembali aktif dalam industri seni tanah air (BERNAMA, 2021). Salah satu buktinya ialah apabila Mat Over dan Aspalela Abdullah dijemput untuk membuat persembahan semasa sambutan Radio Televisyen Malaysia ke-75 apabila kisah

mereka didedahkan kepada umum menerusi program ziarah yang dilaksakan oleh FINAS (BERNAMA, 2021).

TRANSKRIP

TEMUBUAL

BERSAMA TOKOH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang nyanyian. Bersama-sama kami ialah Puan Rohana Jalil yang merupakan seorang penyanyi veteran era 80-an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 6 Disember 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 5.38 petang secara atas talian menggunakan platform *Google Meet*. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Afrina binti Azhar dan juga Nurhidayah binti Azahar. Dengan segala hormatnya, temubual dimulakan.

**NAA : (Menggerakkan tangan dan badan) okey kita mula dengan soalan pertama eh
(menganggukkan kepala) Kak Na?**

RJ : Boleh -- (sambil menganggukkan kepala)

**NAA : Santai je boleh kan? Okey, jadi (menggerakkan tangan) soalan pertama saya
boleh Kak Na ceritakan serba sedikit tentang latar belakang peribadi Kak Na?**

RJ : Ha boleh --. Assalamualaikum semua, kepada pada kepada semua yang kalau di radio kata pendengar-pendengarlah (tangan menunjuk telinga). Dapat melihat saya, salam sejahtera, salam sayang kepada anda semua mana mengenali saya, alhamdulillah (sambil menganggukan kepala), kalau sape yang tak mengenali saya (sambil menggelengkan kepala), saya Rohana Jalil, seorang penyanyi, orang kata sekarang ni _ veteranlah (menganggukkan kepala) sejak Kak Na bermula pada tahun lapan puluh [80] an. Saya bersuami ada tiga [3] orang cahaya mata perempuan. Salah sorang anak saya iaitu ada apa ni orang kata ada (sambil menggerakkan tangan) darah seni jugaklah iaitu Kilafairy [Syakila Nisa binti

Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] seorang pelakon dan jugak seorang penyanyi (tersenyum).

**NAA : Okey boleh kami tahu (mata memandang ke bawah) bilakah Kak Na dilahirkan?
Pada tahun bila?**

RJ : (Gangguan Internet) Kak Na dilahirkan pada tahun sembilan belas [19] -- lima puluh lima [55]. Bulan tiga [3] ha (berfikir sejenak) eh sembilan belas lima lima [1955] lah (menganggukkan kepala). Bermakna muda lagi kan? (ketawa kecil)

NAA : Muda lagi (ketawa kecil) cantik lagi sekarang (ketawa kecil). Di mana Kak Na dilahirkan? (sambil menggerakkan kepala)

RJ : Oh saya dilahirkan di Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor [Malaysia]. Tapi lahir saja di sana (menganggukkan kepala) pastu ibu bapa berpindah ke Kota Tinggi [Johor, Malaysia]. Jadi Kak Na ni orang Kota Tinggi, Johor [Malaysia] lah.

NAA : Jadi Kak Na dibesarkan di Kota Tinggi [Johor, Malaysia] lah? (sambil menganggukkan kepala)

RJ : Kota Tinggi [Johor, Malaysia] dan nama saya yang sebenarnya ialah dalam IC [kad pengenalan] daripada kecik ibu bapa taruk nama saya Dara binti Abd Jalil. Ha nama --

NAA : Oh jadi macam mana --

RJ : Na-nama Rohana tu bukan nama pentas (sambil menggelengkan kepala), memang kami orang Johor [Malaysia] selalu ada dua [2] nama, ha Kak Na pun tak tahu macam mana boleh dapat Rohana tu (sambil menggerakkan kepala) tapi memang dari kecil (menganggukkan kepala) memang Rohana nama Rohana (sambil menganggukkan kepala) memang dah ada lah. Jadi -- semua menggunakan nama itu daripada kecil sehingga sekarang (tersenyum).

NAA : Kak Na mempunyai berapa orang adik-beradik?

RJ : Kak Ana ada adik-beradik satu [1] -- ibu satu [1] bapak (sambil memejamkan mata) enam [6] pastu ada lagi dua [2] beradik satu [1] ibu bapa lain dua [2] orang (sambil menganggukkan kepala) lelaki. Yang -- satu [1] ibu satu [1] bapa tiga [3] lelaki tiga [3] perempuan. Tapi semua dah berkahwinlah (sambil menggerakkan kepala). Semua dah bekerja (sambil menggerakkan kepala).

NAA : Kak Na merupakan anak yang ke-berapa dalam adik-beradik tu?

RJ : Oh Kak Na anak yang sulung. Anak yang pertama (tersenyum).

NAA : Oh. Jadi nama *glamour* [terkenal] Kak Na (mata melihat skrip soalan) semasa bergelar artis ialah Rohana Jalil betul? (sambil menganggukkan kepala)

RJ : Rohana Jalil (menganggukkan kepala). Bukan (menggelengkan kepala) *glamour* [terkenal] memang daripada kecil memang dah Rohana Jalil dah (sambil menggerakkan kepala). Tapi dulu lah dulu-dulu masa mula-mula jadi penyanyi yelah dulu -- kan dulu artis-artis kan banyak pakai nama-nama samaran. Masa Kak Na mula-mula nak jadi artis ni, nak jadi artis memang ada nama lain lah

konon-kononnya (sambil menggerakkan kepala). Ha nak tahu nama dia? Kalau awak semua nak dengar memang gelihati.

NAA : (Ketawa kecil)

RJ : Ada orang tarukkan nama Kak Na J. Rohanawati [Dara binti Abd Jalil] (ketawa kecil)

NAA : J. Rohanawati? [Dara binti Abd Jalil] (sambil tersenyum)

NHA : (Menunduk sambil tersenyum)

NAA : Okey lah nama tu.

RJ : Ye, dulu mula-mula (sambil ketawa). Sempat jugaklah (sambil menganggukkan kepala) sempat jugak keluar majalah dengan nama tu. Tapi rasa macam tak sesuai kan. So [Jadi] tak pakai (menggelengkan kepala) nama tu lah.

NHA : Okey Kak Na seterusnya boleh tak Kak Na ceritakan serba-sedikit tentang (mata melihat skrip soalan) latar belakang pendidikan Kak Na? (menganggukkan kepala)

RJ : (Gangguan Internet) Kak Na dulu masa kecik, Kak Na dalam umur ... Kak Na masuk sekolah awal kerana kita kecik-kecik nak sekolah sangat so [jadi] mak dah masukkan ja _ masa tu umur berapa eh? Umur belum tujuh [7] tahun Kak Na dah masuk sekolah dah (sambil menggerakkan kepala). Ha kat kampung kan

boleh so [jadi] Kak Na sekolah sampai darjah enam [6] lepastu -- ber-berpindah ikut ibu bapa ib-ibu ke -- keluar daripada ... dulu Kak Na duduk di ... macam Mersing Endau [Johor, Malaysia] tau (menganggukkan kepala) masa sekolah rendah. So [Jadi] Kak Na berpindah di Kota Tinggi [Johor, Malaysia] sekolah di sana tak -- habislah (menggelengkan kepala) sampai dalam macam *Form Two* [Tingkatan Dua] gitu (sambil menggerakkan kepala). Tak ambik SPM pun (sambil menggelengkan kepala). Habis dah nak nyanyi (ketawa kecil).

NHA : (Ketawa kecil)

NAA : (Ketawa kecil)

NHA : Okey di manakah (mata melihat skrip soalan) Kak Na bersekolah waktu sekolah rendah?

RJ : Masa sekolah rendah Kak Na bersekolah di Lembaga Endau Johor [Sekolah Kebangsaan Lembaga Endau, Johor, Malaysia] (menganggukkan kepala) iaitu FELDA. FELDA getah Batu Enam [6] di Endau, Johor [Malaysia] (menganggukkan kepala) (tersenyum).

NHA : Sekolah menengah?

RJ : Sekolah menengah separuh je dekat Kota Tinggi [Johor, Malaysia] je (menganggukkan kepala). Tak abis dik (merenggangkan badan).

NAA : Ah (ketawa kecil)

NHA : (Ketawa kecil)

RJ : Giler nak nyanyi. Ha ah (sambil menggerakkan badan)

NAA : Tak ape (tersenyum)

NHA : Okey, jadi Kak Na tak sambung mana-mana belajar lah eh? (sambil menunduk).

Boleh kami tahu tak jika Kak Na tidak berkeberatan, keputusan Kak Na?

RJ : Ye? (sambil mendekatkan telinga dengan skrin)

NHA : Keputusan peperiksaan Kak Na (menganggukkan kepala).

RJ : Peperiksaan masa sekolah rendah tu okey. Kak Na dulu masa sekolah rendah Kak Na pandai -- melukis (menganggukkan kepala) ha (sambil menggerakkan badan). Suka lah (menganggukkan kepala) lukis --. Pastu yang lain-lain tu agama (menganggukkan kepala), agama okey (menganggukkan kepala). Pastu masa (sambil menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang) ... kalau bengap-bengap sangat, Matematik (menggelengkan kepala) memang bengaplah.

NHA : (Ketawa kecil)

NAA : (Ketawa kecil)

RJ : Sampai sekolah sam-sampai darjah jah -- apa darjah enam [6] pun tengok jam pun tak reti lagi masa tu (ketawa kecil). Tak pandai.

NAA : (Ketawa kecil)

RJ : Okeylah (sambil tersenyum), alhamdulillah (sambil menggerakkan badan) sebab kita bila -- kita dah -- jadi penyanyi, belajarlah benda-benda yang macam (berdecit) yang tertinggal tu, belajar sendiri (sambil menganggukkan kepala) belajar sikit-sikit (sambil menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang).

NAA : Okey seterusnya kalau Kak Na tak keberatan lah kan, boleh tak Kak Na kongsi sedikit tentang alam rumah tangga Kak Na?

RJ : Oh alam rumah tangga. Aih cepatnya rumah tangga, patut apa ni alam -- *start* [mula] menyanyi dulu (sambil tersenyum).

NHA : (Ketawa kecil).

RJ : Tebok tengah eh? Tebok tengah (tersenyum).

NAA : Oh itu -- belakang --

RJ : Oh okey -- *you* [kamu] edit eh? (sambil menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang). Okey selepas Kak Na dalam ... Kak Na jadi penyanyi (sambil

menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang), jadi penyanyi bila sehingga umur Kak Na tiga - puluh -- [30] (menganggukkan kepala) ber-berasa da-dalam hati ni, eh, dah tiga puluh [30] mak-makna kita dah -- tua lah, dah tua tapi -- tak kawin lagi kan. Tapi, ha *boyfriend* [teman lelaki] (menganggukkan kepala) ada lah dua [2] tiga [3] orang. Tapi pikir ni dah tiga puluh [30], aku ni kena kawin ni, (menganggukkan kepala) kalau tidak karang bila pulak nak kawin dah tua kan? So [Jadi] Kak Na pilih salah satu [1] lah (menganggukkan kepala), mana yang rasa boleh yang boleh jaga kita kan (menyilangkan tangan) so [jadi] Kak Na (menyilangkan tangan) dengan - berat -- hati tu (menganggukkan kepala) nak kawin tu sebenarnya kalau boleh tak nak (menggelengkan kepala) tapi takut dah umur terlebih, jadi mungkin jodoh pun dah sampai. So [Jadi] Kak Na kawin lah (menganggukkan kepala) dalam umur tiga puluh [30]. Tiga puluh [30] Kak Na kawin, Kak Na teruskan sebagai penyanyi pastu dalam hampir tujuh [7] tahun tak dapat (menggelengkan kepala) tak -- ade zuriat lah, tak dapat anak (menganggukkan kepala).

NAA : Pada tahun bila Kak Na mendirikan rumah tangga tu?

RJ : Kak Ana mendiri rumah tangga dalam tahun sembilan belas [19] sembilan [9] -- lapan puluh empat [84] (menganggukan kepala). Bulan sembilan [9]. Ingat lagi (menganggukkan kepala).

NAA : Kalau -- Kak Na tak keberatan lah kan, kalau - boleh - *share* [kongsi] --, kalau boleh *share* [kongsi] lah siapa nama suami Kak Na?

RJ : Oh (sambil menggerakkan kepala) suami Kak Na satu [1] Malaysia kenal dah, tahu dah (ketawa kecil).

NAA : (Ketawa kecil).

RJ : Dia seorang pegawai kerajaan, *police officer* [pegawai polis] lah tapi dah penced. Ha (sambil menggerakkan kepala) baru penced dua [2] tiga [3] empat [4] tahun ni. Nama dia ... dia campuran Pakistan [negara Pakistan] dengan ni, orang Kelan [Kelantan, Malaysia] orang Terengganu [Malaysia] iaitu Jangir Khan [CIS, Jahangir Khan] (menganggukkan kepala). J-A-N-G-I-R K-H-A-N [CIS, J-A-H-A-N-G-I-R K-H-A-N].

NAA : Masa -- beliau berkahwin dengan Kak Na tu (menganggukkan kepala), beliau berumur berapa tahun?

RJ : Dia muda pada Kak Na dua [2] tahun (menganggukkan kepala), Kak Na lahir lima lima [55] dia lahir lima tujuh [57]. Dia lahir (menganggukkan kepala) *Merdeka Day* [Hari Merdeka] (menganggukkan kepala).

NHA : (Tersenyum)

NAA : Macam mana Kak Na boleh berkenalan dengan suami sebelum mendirikan rumah tangga? (sambil menggerakkan tangan)

RJ : Oh Kak Na dulu masa (menggaru pipi) bi-bila datang ke KL [Kuala Lumpur, Malaysia] (menurunkan tangan daripada pipi) Kak Na menyanyi di ... dulu zaman-zaman lapan puluh [80] an, di (gangguan Internet) ko di Kolumpur [Kuala Lumpur, Malaysia] banyak kelab-kelab nyanyian tau (menganggukkan kepala). Banyaklah nak keje, nyanyi pun senang. Kak Na bekerja sebagai penyanyi, jadi kat situlah kita kenal suami Kak Na. Diorang datang, budak-

budak polis kan datang, minum-minum ha makan-makan petang --. Kak Na kadang-kadang Kak Na nyanyi petang, kadang-kadang nyanyi malam (sambil menggerakkan badan) so [jadi] berkenalan kat situlah. Dah bekerja kat situ, situ je nampak dia. Nampak dia, kalau di tempat lain, orang lain pulak lah (tersenyum sambil menggerakkan tangan).

NAA : Faham. Tadi Kak Na ada *mentioned* [sebutkan] kan Kak Na ada beberapa orang anak lelaki dan perempuan. Betul?

RJ : Lelaki takde, perempuan je.

NAA : Oh perempuan je (sambil menganggukkan kepala)

RJ : Oh adik? (menggerakkan kepala) adik-beradik?

NAA : Eh bukan, anak.

RJ : Ah perempuan (sambil menganggukkan kepala).

NAA : Ha perempuan sahaja. Kak Na boleh *share* [kongsi] ke nama ataupun umur diorang sekarang?

RJ : Oh _ sebenarnya Kak Na kalau anak betul Kak Na ada dua [2] orang (menganggukkan kepala). (Gangguan Internet) sebab kata tadi Kak Na cakap Kak Na kahwin tujuh [7] tahun tak dapat anak kan?

NAA : Ha ah (sambil menganggukkan kepala).

RJ : Lepastu ape ni ah (berfikir sejenak) mak an ... ibu Kak Ana apa bagi pendapatlah (sambil menggerakkan tangan). Dia bawak Kak Na sorang anak angkat (menganggukkan kepala) daripada kampung, dia bawak so [jadi] Kak Ana bela lah daripada umur dia enam [6] bulan. Bila Kak Ana bela dia dalam umur dia tiga [3] tahun tu Kak Ana dapat anak (sambil menggerakkan tangan) anak sendirilah dapat dua [2] orang. So [Jadi] yang pertama anak angkat Kak Ana tu nama dia Rosella [anak angkat Rohana Jalil], sekarang umur dia dalam tiga puluh tiga [33] kot (menggerakkan tangan), dah berkahwin, dia dah mempunyai dua [2] orang anak lah. Bermakna Kak Ana ada cucu dua [2] lah. Ha anak yang satu lagi (tangan di dagu) yang -- anak betul, dah berkahwin jugak, sekarang umur dalam tiga puluh [30] (sambil tangan di dagu). Nama dia Syakira Idora [Syakira Idora binti Jahangir Khan, anak kandung Rohana Jalil] dan yang ketiga selepas dapat Syakira [Syakira Idora binti Jahangir Khan, anak kandung Rohana Jalil] terus *direct* [langsung] dapat yang nombor -- yang bongsu lah. Tulah dapat Kilafairy [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] lah (sambil menggerakkan kepala). Nama betul dia Syakila Nisa [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] (tersenyum kemudian mengelap wajah dengan tisu).

NHA : Okey Kak Kak Na, seterusnya boleh tak Kak Na kongsikan sedikit tentang rutin harian Kak Na sebelum bergelar artis? (sambil mata melihat skrip soalan)

RJ : Buat masa kini? Masa kini? __ selama bergelar artis ke masa kini?

NHA : Sebelum bergelar artis.

RJ : Sebelum bergelar artis Kak Na bekerja tau. Keje _ kan dulu tak sekolah kan? (menganggukkan kepala) nak sangat cari duit kan? So [Jadi] Kak Na pernah bekerja di kilang *mee maggi* [mi segera] di Johor [Malaysia] dan juga Kak Na pernah bekerja di apa ni kelapa sawit (menganggukkan kepala). Ha kelapa sawit tu dipunya-dipunyai oleh mak - sedara - saya -- lah. So [Jadi] ikut dioranglah pergi kebun, kahwinkan bunga. Pengalaman tu ada kat situlah. (Gangguan Internet). Kahwin bunga. Dari situlah Kak Na nyanyi -- so [jadi] kawan-kawan sama keje tu “*eh kau ni boleh nyanyilah*” kata dia. Ye ke? “*ye suara kau sedap*” kata dia kan. Ha dari situlah, nyanyi -- bila cuti tu kan? Kak Na pergi Johor Bahru [Johor, Malaysia]. Pergi Johor Bahru [Johor, Malaysia], tu zaman-zaman lapan puluh [80] an banyak *funfair* [pesta ria] tau (menganggukkan kepala). Tahu *funfair* [pesta ria] apa?

NAA : Tahu (menganggukkan kepala).

RJ : Kan dulu ada macam pesta mainan yang - ada -- buai apa (sambil menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang) nanti ada pentas, ada penyanyi datang (gangguan Internet). So [Jadi] diorang announced [mengumumkan] kan siapa nak nyanyi dialu-alukan. So [Jadi] Kak Na, kawan-kawan Kak Na (sambil menggerakkan tangan) tolak suh nyanyi (sambil membuat isyarat menolak). Masa tu Kak Na belum (menggelengkan kepala) mengenal muzik. Kak Na tak pernah nyanyi pun dengan -- muzik dengan ape semua tak pernah (sambil menggelengkan kepala), dengan *band* [kumpulan] pun tak pernah. Ha dari situlah bila diorang tolak (menggerakkan tangan) Kak Na nyanyi, Kak Na bagi lagu -- Sanisah Huri [Sanisah Huri, penyanyi Malaysia] masa tu (menggerakkan badan ke belakang). So [Jadi] diorang boleh main Kak Na pun boleh nyanyi (sambil menggerakkan tangan).

NHA : (Menganggukkan kepala)

NAA : Jadi dia lah --

RJ : _ _ Ha dia (menganggukkan kepala) dari situlah mulanya jadi penyanyi (menganggukkan kepala).

NAA : Jadi dia lah insan pertama yang sedar, oh Kak Na ni ada bakat dalam bidang nyanyian?

RJ : Ha itu kawan (menganggukkan kepala). Kawan. Kak Na pun dah -- lama tak jumpa (menggelengkan kepala), tak ingat dah (sambil menggerakkan kepala). Sahabatlah (menganggukkan kepala), tapi yang --

NAA : Kak Na tak ingat nama dia? (sambil menganggukkan kepala)

RJ : Tak ingat. Lepastu ... Norma [kawan Rohana Jalil] rasa lah (menganggukkan kepala). Norma [kawan Rohana Jalil] gitulah sebab dia -- (menggerakkan tangan) banyak tua pada Kak Na lagi. Pastu bila sampai nyanyi tu Kak Na ingat lagi nama kumpulan tu D'Suria [nama kumpulan]. Kumpulan tu di Kampung Melayu, Johor Bahru [Johor, Malaysia]. Nama ketua *band* [kumpulan] dia tu Encik Jais [ketua kumpulan D'Suria]. Dia tanya Kak Na "*nak jadi penyanyi kugiran dia?*" Cakap nak (menganggukkan kepala). So [Jadi] besok datang buat latihan (menganggukkan kepala). Dari situlah, tiap-tiap malam buat latihan terus jadi penyanyilah. Jadi penyanyi *band* [kumpulan] tu, ha ikutlah diorang pergi orang kawin (sambil menggerakkan kepala) mana-mana. Jadi dari situlah bila nyanyi, bila dah bagi duit, duit tak banyaklah (menggelengkan kepala) nyanyi dulu lima

ringgit [RM 5] sekali nyanyi, sepuluh ringgit [RM 10] kalau kumpul -- seminggu banyak kan?

NAA : Haah.

RJ : Jadi Kak Na tengok kat situ, Kak Na tengok situ (sambil menggerakkan tangan) oh aku keje macam ni lagi senang dapat duit.

NAA : Ha.

RJ : Ha dari situlah Kak Na mulakan keje (menggerakkan badan). Dari situlah (menggerakkan tangan) Kak Na bantu mak, masa tu ayah dah mati. Ayah mati awal, ayah mati masa ayah umur tiga puluh tiga [33] tahun (menganggukkan kepala). Masa tu (tangan menunjuk ke arah diri sendiri) Kak Na umur sebelas [11] tahun.

NAA : Meninggal sebab sakitlah?

RJ : Tak, dia mati *accident* [kemalangan].

NAA : Oh (menganggukkan kepala).

NHA : Jadi bagaimana kehidupan Kak Na, adakah Kak Na rasa *struggle* [bergelut] waktu sebelum bergelar artis tu membuat kerja-kerja tersebut?

RJ : Tak sebab masa tu zaman ... masa tu umur enam belas [16] tau, zaman budak-budak memang takde pikir macam pikir tu nak keje je, nak -- *enjoy* [seronok] lah (menganggukkan kepala) nak -- *happy* [gembira] kan (ambil menggerakkan tangan). Bila kerja tu seronoklah, kerja dapat duit, dapat gaji kan? Ha jadi (tangan menggaru leher) bila dah dapat gaji, dapat beli dapat belilah benda-benda ... kita dah jadi penyanyi macam-macam kita nak beli. Jadi macam -- tak taulah sebab Kak Na memang mungkin orang kata kesusahan tu (ambil menggerakkan tangan) tak -- (tangan menunjukkan ke arah dada) menebal, tak simpan dalam (tangan menunjuk ke kepala dan dada) ha. Jadi Kak Na suka berusaha, bekerja (ambil menganggukkan kepala). Lepastu bila - dah -- enam belas [16] tahun, dulu kitorang tak boleh (menggelengkan kepala) nyanyi sesuka hati tau macam kelab-kelab malam (menggelengkan kepala) tak boleh nyanyi, nanti kena tangkap masa tu. Jadi bila Kak Na dah umur dalam lapan belas [18] ha barulah macam (menggerakkan badan dan tangan) Kak Na nyanyi dekat kelab-kelab (menganggukkan kepala). Dekat kelab-kelab malam kan. Berpindah (menggerakkan tangan) di Kolumpur [Kuala Lumpur, Malaysia] lah pulak, di situolah sayapnya berkembang (ambil menggerakkan tangan).

NHA : Okey Kak Na selain daripada tu untuk _ aktiviti (menunduk membaca skrip soalan) hujung minggu Kak Na bersama *family* [keluarga]? Apa yang Kak Na selalu lakukan?

RJ : Ye?

NHA : Aktiviti hujung minggu --

RJ : Aktiviti?

NHA : Hujung minggu bersama *family* [keluarga].

RJ : Bersama keluarga?

NHA : Bersama keluarga (menganggukkan kepala).

RJ : Sekarang ke dulu?

NHA : Dulu. Ni dulu --

RJ : Dulu masa __ masa dah berkahwin ke belum?

NHA : Ha belum.

RJ : Oh masa belum kawin, kan Kak Na *start* [mula] nyanyi masa umur enam belas [16] kan? Jadi Kak Na dipenuhi dengan undang-undangan, dipenuhi dengan latihan-latihan, apa ni duduk pun dah berasingan, mak duduk Kota Tinggi [Johor, Malaysia], Kak Na duduk dekat Johor Bahru [Johor, Malaysia] (sambil menggerakkan kepala).

NHA : Oh (Menganggukkan kepala).

RJ : Sewa -- rumah sendiri kan, duduk ngan kawan-kawan *so* [jadi] ada orang ka-- orang kata ada aktiviti sendiri (ambil menggerakkan tangan). Kak Na ha menyanyi di kelab malam kan? Jadi hari-hari ada kerja, ada gajilah, masa tu gaji Kak Na, Kak Na masih ingat lagi (menganggukkan kepala) satu [1] bulan dua ribu [RM 2000] (ambil menggerakkan tangan). Kak Na nyanyi dalam lagu-lagu Melayu [bahasa kebangsaan di Malaysia] aje, masa tu dekat kelab Cina [bangsa di Malaysia] lah, lagu melayu [bangsa di Malaysia]. Ha dua ribu [RM 2000] tu dulu besar dik (ambil tangan di dada) (tersenyum).

NHA : Ha -- (menganggukkan kepala sambil tersenyum).

NHA : Ye betul --

RJ : (Gangguan Internet). Ha -- jadi penuh dengan kerja lah. Penuh dengan aktiviti kerja je tiap-tiap hari (ambil menggerakkan badan).

NHA : Oh *so* [jadi] jaranglah (menganggukkan kepala) *spend time* [meluangkan masa] dengan *family* [keluarga]?

RJ : Ha kalau hari cuti (menggerakkan tangan) balik, hari raya baru balik (ambil menggerakkan tangan).

NHA : Ha.

RJ : Lepastu dah dari situ dah ... mula-mula bila dah pandai (menganggukkan kepala), dah tahu nyanyi (menggerakkan tangan) jadi kak ... di Johor Bahru [Johor, Malaysia] kan ada RTM kan? (sambil menggerakkan kepala) (menganggukkan kepala). Radio televisyen ha radio Johor [Malaysia] (sambil menggerakkan tangan), jadi dari situ pun (menggerakkan badan) Kak Na dah mula pergi ke -- RTM tu dapat undangan, menyanyi di rancangan-rancangan (menganggukkan kepala) daerah lah (menganggukkan kepala) di RTM tu (menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang). Jadi diorang dah -- kenal Kak Na kat situ, jadi diorang apa-apa dia akan *contact* [hubungi] Kak Na. Pegi buat persembahan, masuk di FELDA --. Ha FELDA (menggelengkan kepala) FELDA Johor [Malaysia] tu dah habislah, ikut rombongan RTM pegi buat persembahan. Jadi dekat situ dah Kak Na dah banyak kenal diorang dan berjinak-jinak dengan diorang lah (sambil menganggukkan kepala).

NHA : Oh.

NAA : Okey seterusnya boleh Kak Na kongsikan sedikit tentang keluarga Kak Na? (sambil melihat skrip soalan) Dari segi, tadi kita dah berkenal dengan diri Kak Na, dengan keluarga Kak Na kan? Yang ni dari segi ibu bapa Kak Na sendiri? (sambil menggerakkan tangan)

RJ : Ye? Dari? (mendekatkan telinga dengan skrin)

NAA : Ibu bapa Kak Na. Nama mereka --

RJ : Oh -- ba _ ah ... (berfikir sejenak) arwah ayah nama dia Abd Jalil bin Din. Dia dah meninggal awal. Dia meninggal dalam umur tiga puluh [30] lebih lah rasanya (menganggukkan kepala). Meninggal kerana *accident* [kemalangan],

lepastu mak (gangguan Internet) masa tu mak -- kira macam balu lah (tersenyum). Mak balu muda, umur dua puluh dua [22] tahun. Berebut orang (ketawa kecil). Mak balu anak enam [6] masa tu, mak bekerja lah ganti tempat ayah. Bekerja. Kak Na umur sebelas [11] tahun masa tu. *So* [Jadi] kami ... mak bekerja di ape ni jaga [CIS, jadi] penggantilah (membetulkan lengan baju). Dulu kan kebun tu getah, *so* [jadi] mak ganti tempat keje kat tempat arwah ayah lah kat situ. Kami ... tu yang sekolah kat situ semua tu. Sekolah rendah, tapi tak lama situ. Lepastu mak keluar duduk pergi Johor Bahru [Johor, Malaysia] (menganggukkan kepala), mak bekerja dekat Johor Bahru [Johor, Malaysia] pulak, kilang mana-mana lah dia kerja masa tu ha ah (menganggukkan kepala).

NAA : Kenapa -- daripada situ berpindah ke Johor Bahru [Johor, Malaysia] (sambil menggerakkan tangan)?

RJ : Sebab masa mak dengan ayah, mak tak - pernah -- (menggelengkan kepala) masuk kebun, tak pernah kerja, dia tak tahu (menggelengkan kepala). ___ dia duduk rumah jaga anak je, tapi bila dah masuk kebun dia tak bape pandai, tak - boleh -- (menggelengkan kepala), *survive* [bertahan] kan. Lepastu, tu dia ... bila dah ada kawan-kawan dia ajak berpindah, dia keluar daripada FELDA tu (menggerakkan tangan) terus ke ... duduk Johor Bahru [Johor, Malaysia] (menganggukkan kepala).

NAA : Boleh Kak Na kongsikan sedikit perwatakan mak ayah Kak Na? Tegas ke orangnya?

RJ : Tak ah (menggelengkan kepala). Ape ni ayah tak -- tegas. Mak ha (berfikir sejenak) biasa-biasa je, okey macam takde larangan apa-apa janji pandai jaga diri kan? *Sporting* [sempoi] lah (menganggukkan kepala). Macam Kak Na sekarang dengan anak lah, *sporting* [sempoi] (tersenyum).

NAA : Penerimaan ibu bapa Kak Na masa diorang dapat tahu Kak Na memilih bidang nyanyian sebagai kerjaya Kak Na (sambil menggerakkan tangan)?

RJ : Ha dapat tahu bila ... mak jelah, sebab ayah dah mati masa tu kan? Jadi, mak tak kisah, mak pun macam restu lah (menganggukkan kepala) sebab masa tu Kak Na dah boleh bantu adik-adik sekolah, dapat duit Kak Na kirimlah kat diorang, diorang pergi, adik pergi belajarlah sekolah, bantu mak sikit. Mak pun keje jugak (menganggukkan kepala). Jadi ringan sikit (menganggukkan kepala) tanggungan diorang (menganggukkan kepala). Pastu mak berkahwin (menganggukkan kepala). Mak ada berkahwin kan lepastu (menganggukkan kepala).

NHA : Okey Kak Na seterusnya, tadi kawan saya Afrina dah tanya tentang perwatakan ibu bapa Kak Na, bagaimana pulak perwatakan Kak Na sendiri bersama dengan ibu bapa Kak Na?

RJ : Kak Na sebagai anak sulung dengan adik-adik kadang sangat menghormati dan diorang pun macam ... Kak Na macam ada macam garang sikitlah (menganggukkan kepala) (tersenyum). Kak long kan? Ha diorang pun ada macam kalau kak long tu diorang takut sikit (tersenyum). Jadi alhamdulillah lah, tapi takdelah garang sampai orang kata memukul-mukul takde (menggelengkan kepala). Kadang Kak Na ni mulut je banyak, berle-berleter lah membebek ha.

NAA : Betul. Saya pun _ (menganggukkan kepala)

RJ : Bukan apa, mengajar kan. Sebab kita yang cari duit, penat menanggung diorang kan? (menganggukkan kepala) Tolong mak kan?

NAA : Faham (ketawa kecil).

NHA : (Tersenyum) bagaimana pulak perwatakan Kak Na dengan sedara-mara Kak Na? (sambil menggelengkan kepala)

RJ : Sedara-mara _ yang dekat-dekat sepupu-sepupu lah (menganggukkan kepala) sebab di Kota Tinggi [Johor, Malaysia] tu memang duduk dengan ... dekat-dekat semua keliling tu (menggerakkan tangan) semua sedara-mara. Sebab mak memang nak pin-berpindah ke sana sebab -- (berdecit) (menggerakkan tangan) lepas duduk Johor Bahru [Johor, Malaysia] mak pindah balik Kota Tinggi [Johor, Malaysia] sebab nak dekat dengan sedara-mara (membetulkan lengan baju). Jadi kalau apa-apa sakit pening ke senang kan? Dekat.

NHA : Okey bagaimana pula --

RJ : Alhamdulillah lah memang -- rapat lah rapat (sambil menganggukkan kepala).

NHA : Okey -- bagaimana pulak perwatakan Kak Na sendiri sebagai ibu terhadap anak-anak Kak Na? (menganggukkan kepala).

RJ : Kak Ana dengan anak-anak Kak Na memang biasa-biasa je, tak orang kata takdelah orang kata kongkong diorang (menganggukkan kepala) sebab anak pun tak ramai kan? Depan mata ada dua [2] tiga [3] orang saje (sambil menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang). Jadi ... anak pempuan pulak tu. Jadi alhamdulillah lah anak Kak Na dia -- (berdecit) apa pandai (menganggukkan kepala) pandai jaga diri ape ni, kak selalu ... dengarlah kalau Kak Na selalu bagi nasihat sebab Kak Na berpengalaman (menganggukkan

kepala) kan? Jadi kita pernah rasa zaman remaja, jadi Kak Na bagi -- (menganggukkan kepala) (menggerakkan tangan) diorang rasa za-zaman remaja, bermakna tak sekat sangat (sambil menggerakkan tangan) sebab nanti kan bila dah umur dah -- (membetulkan lengan baju) dia dah umur lebih nanti dia tak ada rasa remaja kan? (menganggukkan kepala). Sebab Kak Na penah rasa, jadi Kak Na bagilah (menggerakkan tangan) bagi, jadi dengan apa orang kata, dengan alasan yang kukuh (menganggukkan kepala), pastu kalau ... taklah bebas rasa bebas sangat (menganggukkan kepala) tapi alhamdulillah lah budak-budak tu (berdecit) ... sebab zaman dia dengan zaman Kak Na lain. Zaman Kak Na dulu orang kata macam terdedah sangat (menggerakkan kepala) dengan apa, dengan dulu-dulu kan ada diskò, kelab apa kan? (sambil menggerakkan kepala). Zaman sekarang ni macam tak ade benda-benda tu dah kan? (membetulkan lengan baju). Ha jadi, diorang tak -- mengenali (membetulkan lengan baju) sangatlah benda-benda tu. Cuma sekarang sekarang kan konsert-konsert, gitu kan? Ha, alhamdulillah lah (menganggukkan kepala).

NHA : Betul -- (menganggukkan kepala).

RJ : Ha, alhamdulillah lah.

NHA : Kejap, untuk sekarang, berapa orang lagi anak Kak Na yang masih tinggal sebumbung dengan Kak Na? (sambil menggerakkan kepala)

RJ : Yang masih apa? Belum berkahwin?

NHA : Maksudnya yang masih tinggal dengan Kak Na lah (sambil menggerakkan kepala).

RJ : Sorang jelah. Yang tu, Kilafairy [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] tu je (sambil mengelap wajah).

NHA : Ha (menganggukkan kepala).

RJ : Sebab dia belum kahwin lagi kan? (sambil mengelap wajah). Dia masih tinggal satu [1] rumahlah (sambil menganggukkan kepala).

NHA : Baik.

NAA : Jadi sekarang boleh kami tahu tak (sambil melihat skrip soalan) Kak Na ada teman rapat di luar bidang industri (sambil menggerakkan tangan)?

RJ : Teman rapat? (berfikir sejenak). Ramai. Kitorang ramai berkawan kan. Kitorang selalu jumpa --, sampai sekaranglah (menganggukkan kepala) tapi bukanlah kawan-kawan dulu (menggerakkan tangan). Dia datang dan pergi. Kita, apa ni, datang dan pergi, kita selalu buat perjumpaan, kadang-kadang bila kawan-kawan Kak Na tu ... Kak Na kan, akan catit *birthday-birthday* [hari-hari lahir] diorang kan (sambil menggerakkan tangan). Hari jadi diorang kita akan *celebrate* [raikan] lah (menganggukkan kepala). Ha kadang-kadang kita kongsi-kongsi lah, tong -- kan, ha kita cari satu [1] tempat, kita kongsi-kongsi bayar (menggerakkan tangan) sambut *birthday* [hari lahir] dia. Sehingga kini lah (menganggukkan kepala) benda tu berlaku (mengelap muka menggunakan tisu).

NAA : Maksudnya --

RJ : Makna --

NAA : Teman rapat tu ada tapi (menggerakkan tangan) datang dan pergi, macam tu lah? (menganggukkan kepala)

RJ : Ha ah ye --

NAA : Yang betul -- rapat tu takde?

RJ : Kadang-kadang yang ... yelah kita kan selalu kita solat kita berdoa kan? (menganggukkan kepala). Ha berdoa pada Allah, kita minta dekatkan kawan-kawan (menggerakkan tangan) yang betul -- ikhlas dengan kita (tangan di dada), jadi jauhkan (menggerakkan tangan) kawan-kawan yang orang kata kadang-kadang mengata kita belakang, tapi benda tu (menganggukkan kepala) berlaku, jadi. Dengan -- perlannahya (ambil menggerakkan tangan) yang -- kita tak tahu (ambil menggerakkan tangan), belakang kita yang mengata kita (menggerakkan tangan) apa dengan -- perlahan akan pergi (ambil menggerakkan tangan) hilang dari pandangan kan? Jadi yang -- dekat -- (ambil menggerakkan tangan) tu, yang elok tu, yang selalu dengan kita (meletakkan tangan di dada). Benda tu Kak Na memang percaya (tersenyum). Sebab bila -- memang -- baik, baik sangat baik (menganggukkan kepala) tapi, satu [1] hari kita akan tahu perangai sebenarnya, Allah Ta'ala dah tunjuk (ambil menggerakkan tangan), kawan kita yang pura-pura, jadi kita dengan -- sendirinya tak berkawan dah (sambi menggerakkan tangan).

NAA : Selain daripada aktiviti macam tadi Kak Na sebutkan *celebrate birthday* [menyambut hari lahir] tu kan, selain daripada aktiviti yang macam tu, ada

aktiviti lain tak yang Kak Na selalu buat dengan kawan-kawan? (sambil menggerakkan tangan)

RJ : Ye, bukan Kak Na lah, kadang-kadang kita (menggerakkan tangan) punya *group* [kumpulan] -- ada buat usrah, ada buat perjumpaan, buat apa buat ... lagi-lagi zaman PKP tu hari kan (menggerakkan badan ke depan dan ke belakang) ha buat ... kadang-kadang, ada masa yang boleh keluar sekejap tu, kita boleh buat macam, ada panggil ustazah, buat syarahan ugama, kat rumah masing-masing lah. Kadang kita buat tahlil, jadi kita ... mana kawan-kawan tu -- (menggerakkan tangan) yang nama nak tumpang ibu bapa yang meninggal ke, nanti kita buatlah, kita *share* -- [kongsi] lah bayar ha (menganggukkan kepala). Artis-artis memang camtu (menganggukkan kepala) memang artis-artis semua camtu (menggerakkan kepala). Kitorang ada -- aktiviti macam tu (menganggukkan kepala). *Happy* [gembira] gembira -- jugak (menganggukkan kepala) ha benda-benda tu ingat jugak (ketawa kecil).

NAA : Betul -- (menganggukkan kepala).

NHA : Okey Kak Na, tadi Kak Na ada ceritakan sikit kehidupan Kak Na sebelum bergelar ar- penyanyi (sambil melihat skrip soalan), di mana Kak Na pernah bekerja sebagai _ di kelab-kelab malam. Boleh Kak Na ceritakan sedikit tak berapa lama Kak Na buat kerja-kerja tersebut?

RJ : Kak Na *start* [mula] nyanyi kelab pada umur Kak Na lapan belas [18] sehingga umur Kak Na (berfikir sejenak) nak masuk tiga puluh [30] tahun (menganggukkan kepala). Umur tiga puluh [30] (menganggukkan kepala) ha. Se-sepanjang yang sepanjang tu termasuklah, termasuk Kak Na buat album, ape ni masuk pertandingan Juara Lagu, lagu Kak Na dapat (menggerakkan tangan) masuk ke Juara Lagu, pastu termasuklah, dalam tiga puluh [30] tahun tu Kak Na

juara Bintang RTM (sambil menggerakkan tangan) termasuklah (menganggukkan kepala) tiga puluh [30] tahun tu dalam sepanjang-pangjang kerjaya tu (sambil menggerakkan tangan) (menganggukkan kepala).

NHA : Okey bersama siapa Kak Na bekerja dulu?

RJ : Ye?

NHA : Kak Na bekerja tu so-solo ataupun Kak Na bersama kawan-kawan Kak Na ke?

RJ : Eh Kak Na bergerak solo.

NHA : Solo. (Menunduk ke bawah)

RJ : Ha solo tapi kawan-kawan semua (sambil menggerakkan tangan), masa tu bila berkawan semua kawan Kak Na semua artis lah.

NHA : Ha (menganggukkan kepala).

RJ : Semua artis lah.

NHA : Kalau Kak Na _ di mana lokasi Kak Na bekerja tu?

RJ : Ye? (mendekatkan telinga dengan skrin)

NHA : Lokasi kelab yang Kak Na bekerja.

RJ : Oh, sekarang ni tempat -- lokasi keje dah tak ada (menggelengkan kepala), dah tutup dah dik (ketawa kecil). Kelab-kelab _

NHA : (Ketawa kecil sambil menganggukkan kepala)

NAA : (Ketawa kecil)

RJ : Sekarang tak ada dah (sambil tersenyum) benda-benda tu semua dah, diskو-disko tu semua dah tak ada (menggelengkan kepala).

NAA : Nama kelab tu Kak Na ingat? (menganggukkan kepala)

RJ : Ye?

NAA : Nama kelab tu Kak Na masih ingat ke?

RJ : Alah takyah lah citer, malu kat orang (ketawa besar).

NAA : Boleh -- (sambil ketawa)

NHA : (Ketawa) okey boleh --. Okey, selain tu, boleh tak Kak Na kongsikan sikit tentang pengalaman yang paling pahit (sambil melihat skrip soalan) dalam hidup Kak Na sebelum bergelar penyanyi?

RJ : Sebelum bergelar penyanyi, hm (berfikir sejenak sambil menongkat tangan di dagu) takdelah. Zaman tu zaman ... bila bapak dah meninggal (sambil menggerakkan tangan), bapak meninggal ... tapi zaman tu kita budak-budak (sambil menggerakkan tangan). Tak -- ape orang kata (berdecit) takde pikir nak -- suka je kan tapi itulah *struggle* [bergelut] bekerja lah. Bekerja nak ... umur enam belas [16] tahun tak boleh nak keje. Salah kan? _ kerja kilang ha curi-curi kerja (sambil menganggukkan kepala) tak boleh. Kerja ... pastu Kak Na nyanyi kelab umur enam belas [16] tahun pun tak boleh, kena pergi ambik apa? Ambik minta pas, kena pakai nama tag nama (sambil tangan menunjuk ke arah kiri dada). Ta-tapi tak boleh balik pukul dua belas [12] ke atas, kena balik awal, kalau tidak kena tangkap (ketawa kecil).

NAA : Oh (ketawa kecil). Pernah lah ___ (sambil menganggukkan kepala)

RJ : Tangkap, naik lori polis nanti (sambil menggerakkan kepala) (mengelap dagu).
Sebab budak bawah umur (menyilangkan tangan) tak boleh.

NAA : Oh.

RJ : Hm dari dulu dah ada dah (menganggauukkan kepala) benda ni.

NHA : Faham. Okey, selain tu bagaimana pulak (sambil melihat skrip soalan) dengan kenangan manis Kak Na?

RJ : Kenangan manis banyak. Terlalu banyak bila Kak Na bergelar artis.

NHA : Yang - sebelum - dulu -- , sebelum bergelar artis (sambil menggerakkan kepala).

RJ : Sebelum, kenangan manis ha (berfikir sejenak) sebelum jadi penyanyi?

NHA : Aha.

RJ : Kenangan manis dengan *family* [keluarga] lah, dengan mak lah (menganggukkan kepala). Kitorang banyak dengan -- mak (menganggukkan kepala) dengan mak sedara. Mak sedara dah meninggal semua dah. Mak sedara ... kami dulu berpecah, kami enam [6] adik-beradik ramai. So [Jadi] bila mak nak kerja dekat Johor Bahru [Johor, Malaysia] berbagi tiga [3] orang duduk dengan mak cik ni, tiga [3] orang duduk dengan mak cik ni (sambil menggerakkan tangan). Jadi Kak Na kena mak cik yang baik, yang *sporting* [sempoi] (tersenyum).

NHA : Ha (menganggukkan kepala).

RJ : Itu yang keje kelapa sawit je tu (menggerakkan badan sambil ketawa kecil).

NHA : (Ketawa kecil).

· NAA : (Ketawa kecil).

RJ : _ je, dengan diorang *happy* [gembira] sebab kepala sama (sambil menggerakkan kepala) (tersenyum).

NHA : Okey (sambil menganggukkan kepala).

NAA : Faham (memandang ke kiri) (memegang dan melihat kertas). Okey tadi ape ni Kak Na kata dari segi bakat tu, kawan Kak Na kan (menganggukkan kepala) yang sedar Kak Na ada bakat dalam bidang nyanyian tu kan? Jadinya dari mana Kak Na sedar tu pun daripada dia lah kan? Daripada --

RJ : Daripada dia ha, ha ah (sambil menganggukkan kepala).

NAA : Daripada apa *event* [program] yang -- ada *fun fair* [pesta ria] apa semua tu lah (sambil menggerakkan tangan dan kepala) betul? (menganggukkan kepala).

RJ : Ye -- ha (tersenyum).

NHA : Okey seterusnya ha -- Kak Na sebagai seorang penyanyi mesti Kak Na ada satu [1] idola. Boleh kongsikan tak sape idola Kak Na?

RJ : Kak Na (menggerakkan badan), Kak Na punya idola dulu nak jadi macam Shar-Datuk Allahyarhamah Shari-Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, biduanita Malaysia] lah (menganggukkan kepala).

NHA : Oh.

RJ : Ha, nak jadi macam dia, dia ter ... masa tu dia tengah meletop sangat masa tu. Teringin nak jadi macam dia, tapi akhirnya dapat -- jumpa dapat nyanyi sekali, dapat satu [1] -- (ambil menggerakkan kepala ke kiri dan ke kanan) syarikat dengan suami dia dulu, kan? Ha. Kak Na di bawah *company* [syarikat] suami dia.

NHA : Ha (ambil menganggukkan kepala). Jadi apa yang membuatkan Kak Na mengidolakan beliau?

RJ : Sebab dia ... orang kata zaman -- lapan puluh [80] an, tujuh [7] dia tujuh puluh [70] an (menganggukkan kepala) tengah meletop sangat (ambil menggerakkan kepala) nama dia, dia se ... ha banyak dia... kami duduk Johor [Malaysia] banyak tengok TV Singapura [negara Singapura] kan? (menganggukkan kepala). So [Jadi] banyak menengok dia nyanyi dan dengar lagu dia memang -- giler sangatlah. Jadi Kak Na menyanyi pun nyanyi-nyanyi lagu dia (menganggukkan kepala). Selain pada dia tu ad -- selain -- (menganggukkan kepala) pada Datuk Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, biduanita Malaysia] tu Sani-Sanisah Huri [Sanisah Huri, penyanyi Malaysia]. Sanisah Huri [Sanisah Huri, penyanyi Malaysia] Kak Na tak idola sangatlah tapi menyanyi lagu-lagu dia (ambil menganggukkan kepala) sahaja. Tapi Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, biduanita Malaysia] ni memang Kak Na minat sunguhlah, memang hingga kini (menganggukkan kepala) Kak Na akan menyanyi lagu-lagu daripada dia (ambil menggerakkan kepala). Sebab dia cantik dulu kan. Ha __ Sharifah [Datuk Sharifah Aini binti

Syed Jaafar, biduanita Malaysia] pastu dia ... tapi Kak Na tak jumpa (menggelengkan kepala) dia, Kak Na jumpa dia apabila Kak Na duduk Kuala Lumpur [Malaysia] apabila Kak Na dah bergelar artis (menganggukkan kepala). Kira macam Kak Na dah ada nama baru dapat jumpa berjumpa dengan dia (sambil menganggukkan kepala). Ha pastu terus jadi kawan sampai dia meninggal (tersenyum).

NAA : Okey seterusnya kita beralih kepada --

RJ : Sebab --

NAA : _____ (menganggukkan kepala sambil tersenyum)

RJ : Sebab dia, Datuk Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, biduanita Malaysia] dia -- memandang, dia *appreciate* [menghargai] (sambil tangan menunjuk ke arah diri sendiri) Kak Na punya bakat (tersenyum).

NHA : Ha (menganggukkan kepala sambil tersenyum) .

NAA : Dia betul -- menghargailah bakat Kak Na ni?

RJ : Haah, selalu bagi nasihat (berdehem).

NAA : Antara nasihat dia yang Kak Na ingat sikit?

RJ : Banyak, macam-macam dia bagi tentang pakaian, cara nyanyi (sambil menggerakkan kepala) pastu yang -- *best* [terbaik] sekali cara kemas rumah (tersenyum dan ketawa kecil).

NHA : (Tersenyum)

NAA : *Wow* [Wah] maksudnya bukan dalam bidang nyanyian (sambil menganggukkan kepala) jelah kan?

RJ : Tak. Sebab dia penah ... kami duk dekat-dekat, dia penah singgah rumah Kak Na kan, masa tu Kak Na duk sorang masa tu, di Bangsar [Selangor, Malaysia] kan? Dia penah, dia ajar dia kata "*kalau -- rumah kita kosong, barang-barang macam tak banyak barang (menganggukkan kepala), kita -- susun ke tepi, semua kat tepi*" (menggerakkan tangan) kata dia (tersenyum). Itu Kak Na memang Kak Na ingat sangat (sambil menggerakkan kepala). "*Taruk tepi-tepi nampak macam banyak*" kata dia (sambil menggerakkan tangan).

NAA : Oh faham -- (menganggukkan kepala). Okey seterusnya saya nak tanya sedikit soalan berkaitan, ini lebih kepada pendapat (menggerakkan tangan) dan persepsi Kak Na sendirilah. Pada pendapat Kak Na lah kan, apa -- pendapat dan persepsi Kak Na terhadap industri nyanyian kita (menganggukkan kepala) hari ini?

RJ : Oh kejap eh (gangguan tetamu datang ke rumah). Oh ha _

NAA : (Ketawa kecil)

RJ : Bagi Kak Ana artis sekarang memang *wow* [wah] (menunjuk isyarat bagus) dan diorang sangat beruntung zaman sekarang ni zaman teknologi kan, menggunakan teknologi tapi -- tak sama zaman - Kak Na -- dulu -- (sambil menggenggam tangan dan menongkat tangan di atas meja) ke-kena buat album (sambil menggenggam tangan) syarikat kena keluarkan modal (menggerakkan tangan) beribu-ribu ringgit untuk buat album tapi sekarang ni dengan bermodal sikit (sambil menggenggam tangan dan menongkat tangan di atas meja) artis sekarang dah boleh buat satu [1] *single* ha satu [1] *single* jadi perca-percaturannya sangat senang (menganggukkan kepala). Kalau ... nak -- artis tu kalau artis tu berduit (menganggukkan kepala) lagi senanglah (menggerakkan tangan) nak buat -- *single* ke apa kan? Pastu diorang ada ... beruntung diorang ada kelas, diorang ada guru muzik, zaman-zaman Kak Na mana ... Kak Na tak pernah belajar pun menyanyi ni, pandai-pandai sendiri, ikut -- sendiri. Jadi diorang sangat -- beruntung dapat belajar cara menyanyi, pertandingan banyak, boleh senanglah nak jadi artis sekarang ni (sambil menggerakkan tangan). Janji pakej cukup jalan (sambil menggerakkan kepala). Tapi Kak Na pujilah (menganggukkan kepala) memang artis baru -- memang (sambil menggelengkan kepala) orang kata (menunjuk isyarat bagus) (tangan di dagu) (berdecit) *wow* [wah] lah *wow* [wah] -- (menganggukkan kepala) suara, cara lain. Cara dia berlainan dengan kita zaman dulu (sambil menggerakkan tangan) (menganggukkan kepala).

NAA : Mungkin atas faktor macam Kak Na cakap tadilah zaman sekarang diorang ada guru vokal apa semua tu kan, betul? (menganggukkan kepala)

RJ : Betul -- hm.

NAA : Apa pendapat --

RJ : Sebab zaman sekarang ni mak - mak - sekarang - ni -- dia -- (tangan menunjuk ke kepala) berfikiran luas dan dia *intelligent* [pandai] tau. Dia kalau tengok anak berbakat, dia terus pergi hantar kelas main piano ke apa kan. Dulu-dulu mak mana ada (menggerakkan badan ke belakang sambil menggerakkan tangan), kena marah ada lah se-separuh orang kan. Dia tengok anak dia pandai nyanyi, dia antar kelas nyanyi (sambil menggerakkan tangan), dia -- mendorongkan dia membawa anak dia (sambil menggerakkan tangan) *create* [membentuk] anak dia jadi penyanyi, bawak anak pertandingan (sambil menggerakkan tangan) sekarang ... orang dulu-dulu mana ada (sambil menggelengkan kepala). Macam Kak Ana lah (tangan di dada) didik anak, Kila [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] kan? Ha pergi bawak dia apa jumpa komposer, bawak dia pegi jumpa *director* [pengarah] (menggerakkan tangan) sebab dia (menggerakkan tangan) ada bakat kan? Macam tulah.

NAA : Masa tu anak Kak Na Kilafairy [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] tu umur berapa tahun masa Kak Na hantar dia tu?

RJ : Di ... Kila [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] (tangan di hidung) dia memang ada bakat pada kecil, dia empat [4] tahun (menggelengkan kepala) dah boleh nyanyi. Dia dah boleh nyanyi, empat [4] tahun dia dah boleh baca dekat karaoke kan (menganggukkan kepala) dia dah boleh baca lirik-lirik tu (sambil menggerakkan tanagn). Dia dulu nyanyi lagu Hindustan [bahasa luar negara] je tak nyanyi lagu Melayu [bahasa kebangsaan Malaysia]. Bapak (menggerakkan tangan) dia kan Pakistan [negara Pakistan] campur.

NAA : Hebat.

NHA : (Ketawa kecil)

RJ : Atuk dia memang datang daripada (menggerakkan tangan) sana, Pakistan [negara Pakistan].

NHA : (Tersenyum sambil menganggukkan kepala)

RJ : Memang dia ada turun ___ (tangan di dada). Sebab dia boleh baca Hindi [tulisan Hindi] punya lirik tu (sambil menggerakkan tangan).

NAA : Oh (sambil menganggukkan kepala)

NHA : (Menganggukkan kepala)

RJ : Ha dia boleh baca ... pastu dari situ bakat dia ada. Pastu - di - sekolah -- Sekolah Subang Jaya [Selangor, Malaysia] kan, ar- artis-artis (menggerakkan tangan) pelakon kan (menggaru dagu) banyak daripada Subang [Selangor, Malaysia] so [jadi] kawan-kawan dia (sambil menggerakkan kepala) semua tu. Satu [1] sekolah jadi (berdehem) macam TV3 [siaran televisyen Malaysia] nak cari *talent* -- [bakat] baru untuk rancangan kanak-kanak diorang pegi *audition* [ujibakat] dekat sekolah-sekolah (sambil menggerakkan tangan) (tersenyum). Te-termasuk (sambil menggerakkan tangan) sekolah Kila [Syakila Nisa binti Jahangir Khan, pelakon dan penyanyi Malaysia] sekali (tersenyum). Dari -- situlah dia apa dia dapat berlakon awal. Umur berapa? Umur dia lapan [8] tahun (menganggukkan kepala) dia dah ba-bape episod ... dah buat duit [membuat isyarat duit]. Masa tu dah buat duit dah (menggerakkan kepala), buat episod banyak-banyak kan dari situ dah dia dah kumpul-kumpul duit dah (menganggukkan kepala). Alhamdulillah lah (menganggukkan kepala).

NAA : Alhamdulillah. Pada pendapat Kak Na ada tak sebarang perubahan dalam industri nyanyian hari ni (sambil melihat skrip soalan) berbanding dengan zaman mula-mula Kak Na menceburkan diri dalam bidang industri dulu?

RJ : Perubahan banyak.

NAA : Antaranya?

RJ : Kak Na dulu - nak - jadi - artis -- (berdehem) rakaman, nak buat rakaman berhari-hari, satu [1] lagu tu berhari-hari nak kena siap (sambil meggerakkan kepala). Sebab komposer Kak Na memang telinga dia tajam (menganggukkan kepala), salah sikit (menggelengkan kepala) memang kena balik lah kan? Kena balik kena nyanyi lagi. Kadang-kadang --

NAA : Cerewetlah?

RJ : Ye (menganggukkan kepala) satu [1] lagu tu kadang tiga [3] empat [4] hari (menganggukkan kepala) baru dapat baru -- (menggerakkan tangan) jadi satu [1] lagu tu. Sekarang memang sekarang -- (menganggukkan kepala) sepuluh [10] lagu boleh habis sehari (tersenyum).

NAA : Sehari? Biar betul?

RJ : Sekarang memang sekarang banyak - teknik-teknik - baru -- untuk *mengcoverkan* [menutupkan] mana-mana yang orang kata yang ada sumbang-

sumbang (membuat isyarat tangan) sikit tu dah boleh dibetulkan. Kalau dulu tak boleh (menggelengkan kepala). Jadi Kak Ana sekarang ni kalau buat -- *record* [rekod] *recording* [rakaman] kan ada jugaklah *record* [rakam] *recording* [rakaman] untuk -- ada ada *event* [program] -- memang senanglah.

NHA : (Menganggukkan kepala)

RJ : “*Nyanyi je kak nanti saya betulkan*” (sambil menggerakkan kepala). __ je.

NHA : (Tersenyum sambil menganggukkan kepala)

NAA : (Ketawa kecil sambil menganggukkan kepala)

RJ : “*Nyanyi je nyanyi nanti kita betul*” (tersenyum)

NAA : Pada pandangan Kak Na --

RJ : ___ ha?

NAA : Pada pandangan Kak Na, apa rentak muzik ataupun *genre* [rentak] yang paling popular (sambil melihat skrip soalan) dalam kalangan masyarakat hari ni?

RJ : (Gangguan Internet) oh hari ni Kak Na pun tak berapa faham sangat *genre* [rentak] sekarang (sambil menggerakkan badan). Apa yang paling yang -- paling orang minat sekarang. Tapi sekali ... sekarang ni banyak macam *rap* -- kan?

NHA : Hm (menganggukkan kepala).

RJ : Budak-budak suka, budak-budak baru kan? Budak baru apa ni ... tapi Kak Na suka jugak dengar rentak-rentak baru tapi tak tahu nak sebut benda rentak tapi memang okey lah (menganggukkan kepala) boleh terima, boleh masuk kepala kita (sambil menganggukkan kepala) (ketawa kecil).

NAA : Kiranya rentak sekarang dengan rentak masa zaman Kak Na dulu jauh (menggerakkan tangan) tak beza dia?

RJ : Eh jauh beza dia, tapi rentak - yang -- tak -- boleh lari (menggelengkan kepala) sampai sekarang pun ada rentak *pop* lah (menganggukkan kepala). Macam *ballad* ha, *ballad* lapan puluh [80] an kan sedap (menganggukkan kepala) macam lagu Francissca Peter [Luciana Francissca Peter, penyanyi, komposer, penerbit, pencipta lirik, pengajar vokal Malaysia] tu ‘Kau di Pinggiran’ [CIS, Sekadar di Pinggiran] pastu Khadijah Ibrahim [Dato’ Khadijah Ibrahim, penyanyi dan pelakon Malaysia] punya lagu ha yang tu rasa masih sama - lagi -- (menganggukkan kepala). Tapi yang itulah orang minat pun (merenggangkan badan). Kan?

NAA : (Menganggukkan kepala). Pada pendapat Kak Na kan, pada pendapat Kak Na lah muzik tu berkembang mengikut zaman ataupun tidak? (sambil menggerakkan tangan)

